




buletin **Mutiara**



www.buletinmutiara.com



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>

<http://www.facebook.com/ChowKonYeow>

16 – 31 MEI, 2018

PERCUMA

Negeri Berkebajikan & Keusahawanan Kita akan terus lakukan banyak lagi demi rakyat - Ketua Menteri

RUTIN kerja sekarang tentulah lebih luas berbanding dahulu iaitu selama 10 tahun sejak 2008 sebagai Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir.

Bagaimanapun, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri baru Pulau Pinang memberitahu, biasanya beliau akan meninggalkan pejabat paling lewat pada jam 7.30 petang.

“Memang ada sedikit beza dengan masa menjadi Exco Kerajaan Tempatan di bawah Saudara Lim Guan Eng dahulu (2008 - 2018).

“Kita pun tahu menjadi Exco dahulu juga adalah bidang tugas yang agak berat, walaupun berat, tumpuan pada tiga bidang ini sahaja.

“Sebagai Ketua Menteri sekarang ini, selain memberi tumpuan pada bidang tugas saya (iaitu Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Penerangan), saya bertanggungjawab secara keseluruhan terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri ini.

“Isu-isu yang sampai ke meja Ketua Menteri juga adalah lebih luas, berbanding isu-isu yang sampai ke meja saya, sebagai Exco dahulu.

“Walaupun beban tugas lebih berat, tetapi adalah bergantung pada penjadualan program sehari-hari.

“Saya selalu ingatkan bahawa jangan susun jadual ‘di luar pejabat’ terlalu padat, sehingga tiada masa untuk kerja-kerja di pejabat.

“Selama 10 tahun lepas, prinsip saya, cuba untuk tidak bawa kerja pejabat balik ke rumah..biasanya saya pulang dari pejabat pada jam 7.30 petang,” katanya dalam wawancara eksklusif bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** di pejabatnya dekat Komtar baru-baru ini.

Dalam nada seloroh, katanya kalau setiap hari boleh tidur malam selama enam jam, sudah memadai untuk menjana tenaga berfikir dan bekerja secara berkualiti di pejabat.

Kon Yeow dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 9 Mei lalu dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota dan Ahli Parlimen Tanjung.

Mantan Ketua Menteri merangkap

Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokratik (DAP) Kebangsaan, Lim Guan Eng, kini adalah Menteri Kewangan sendiri menamakan Kon Yeow sebagai penggantinya.

Kon Yeow mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang kelima pada 14 Mei lalu, kemudian mengumumkan barisan Exco Kerajaan Negeri tiga hari kemudian.

Tangani trafik sesak

Kon Yeow memberitahu, usaha menangani cabaran trafik sesak merupakan salah satu fokus pentadbirannya.

Membabitkan Konsortium Zenith, katanya, terdapat empat pakej projek.

Jelasnya, Pakej Pertama adalah projek pemajuan pintasan jalan raya dari Tanjung Bunga ke Teluk Bahang; Pakej Dua (pintasan jalan raya dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Bandar Air Itam); Pakej Tiga (pintasan Jalan Pangkor ke Sungai Pinang) dan Pakej Keempat (Projek Terowong Bawah Dasar Laut).

“Pakej Kedua menjadi keutamaan memandangkan ia memberi impak tinggi, kerana dapat menyuraikan kesesakan trafik dalam suatu kawasan pembangunan yang padat (meliputi) Air Itam, Farlim dan Paya

Terubong,” jelasnya.

TMP

Selain itu, Kon Yeow berkata Pelan Induk Pengangkutan (TMP) bernilai kira-kira RM47 bilion, melalui rakan pelaksana projek Konsortium SRS, merupakan satu lagi projek Kerajaan Negeri untuk menangani cabaran trafik sesak.

“Sebelum pilihan raya umum lalu lagi, bagi projek LRT (transit aliran ringan) dari Komtar ke Bayan Lepas, Kerajaan Negeri masih menunggu kelulusan SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat).

“Kita sudah menghantar proposal skim jajaran ini, tetapi di peringkat Putrajaya ketika itu memberi alasan bahawa penangguhan kelulusan ini adalah kerana mereka sendiri sedang melaksanakan kajian Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Semenanjung Utara.

“Perjanjian Kerajaan Negeri dengan Konsortium SRS adalah amat berlainan dengan perjanjian dengan Konsortium Zenith.

“Konsortium Zenith dibayar untuk kerja-kerja awalan ini, manakala, Konsortium SRS pula tidak dibayar untuk melakukan kerja-kerja awalan ini

seperti membuat kajian-kajian sehinggalah mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan.

“Salah satu syarat dengan Konsortium SRS adalah mereka akan membayai segala kos termasuk kos mendapatkan kelulusan daripada Putrajaya,” ujarnya sambil mengharapkan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri kian erat selepas berlaku peralihan kuasa di Putrajaya pada PRU14 lepas.

Harapan

Kon Yeow menyatakan bahawa beliau senantiasa berharap pentadbirannya dalam tempoh lima tahun ini adalah terbuka, demi meningkatkan lagi tadbir urus cekap Kerajaan Negeri, selain meningkatkan taraf hidup rakyat.

“Saya sebenarnya memerlukan nasihat, khususnya dalam pengurusan kewangan, menggariskan strategi bagi menarik pelaburan serta pengurusan ekonomi.

“Itulah, saya harap dalam sedikit masa lagi kemungkinan saya akan cadang kepada (Mesyuarat Exco), bagi melantik perunding ataupun *Penang Institute* (PI) untuk merangka satu Pelan Tindak Tadbir Urus Ekonomi dalam tempoh lima hingga 10 tahun demi memandu hala tuju Pulau Pinang sebagai negeri perindustrian,” katanya.

Justeru, beliau menasihatkan semua pihak supaya bersabar dalam usaha melihat Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang menuai segala 68 janji sebagaimana dalam Manifesto PRU14 baru-baru ini.

“Apabila Putrajaya telahpun kita (PH) ambil, bukan semuanya boleh dilaksanakan dalam tempoh 100 hari pentadbiran, kerana ada kekangan perundangan dan sebagainya harus dipatuhi.

“Jadi, walaupun ekspektasi rakyat begitu tinggi, diharap bersabar dan beri masa untuk Kerajaan Negeri memacu pembangunan Pulau Pinang, sehingga terus dapat dirasai oleh rakyat sendiri.

“10 tahun lalu, Kerajaan Negeri sudah berada di landasan yang kukuh, sebagai negeri berkebajikan dan keusahawanan, maka kita (Pakatan Harapan) akan terus melakukan lebih banyak lagi program demi rakyat,” jelas Kon Yeow yang juga Pengerusi DAP Pulau Pinang.



CHOW Kon Yeow.

Matlamat perjuangan jelas, hormat keputusan rakyat terus berkhidmat - Abdul Halim

PERNAH menjadi guru, konsultan profesional dengan Petronas, sektor korporat serta bank, perniagaan, sebelum terjun dalam arena politik kepartian secara sepenuh masa.

DATO' ABDUL HALIM HUSSAIN memberitahu, ranjau perjuangan ditempuhi adalah sangat panjang, sebelum memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Maung, lalu dilantik sebagai Exco Perdagangan Dalam Negeri & Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan baru-baru ini.

"Saya pernah bertanding bagi kerusi DUN Teluk Bahang dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 (8 Mac 2008) dan tewas."

"Selepas tewas PRU12, saya dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (Speaker) Pulau Pinang.

"Pada PRU13 (5 Mei 2013), sekali lagi saya tanding di Teluk Bahang dan tewas, waktu itu saya teruskan berkhidmat untuk rakyat di Balik Pulau, terjun sebagai ahli politik sepenuh masa," katanya dalam wawancara eksklusif bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara,

ZAINULFAQAR YAACOB dan jurugambar, **ALISSALA THIAN** di pejabatnya baru-baru ini.

Abdul Halim merupakan Ketua Cabang Parti Keadilan

Rakyat (PKR) Balik Pulau.

Pada PRU14, 9 Mei lalu, Pakatan Harapan (PH) mencatatkan kemenangan 4-0, iaitu di Parlimen Balik Pulau serta ketiga-tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) di Bayan Lepas, Pulau Betong dan Teluk Bahang.

"Ada juga yang cakap PRU14 ini saya buat 'kemunculan semula', tapi dalam politik kita tidak boleh putus asa disebabkan tewas bertanding PRU dan mesti hormat keputusan rakyat, serta teruskan berkhidmat untuk rakyat."

"Kalau ada matlamat perjuangan yang jelas dalam arena politik kepartian ini, tidak putus asa, terus berkhidmat bersama-sama Kerajaan Negeri, demi rakyat setempat selama lima tahun (sebelum PRU14) dan biar rakyat buat keputusan sekali lagi," jelasnya.

Pun begitu, Abdul Halim menyatakan bahawa kemenangan 4-0 kali ini adalah disebabkan 'tsunami rakyat berbilang kaum', di samping kerja-kerja meriah sokongan di peringkat parti-parti komponen dalam Pakatan Harapan.

"Kemenangan 4-0 ini bukan sesuatu yang mudah," ujarnya.

Serentak itu, beliau turut menzahirkan penghargaan kepada sukarelawan *Invoke* di bawah pengasasnya, Rafizi Ramli dalam menjana mood menang dalam PRU14 lalu.

ABDUL Halim Hussain.



Dulu & Sekarang

Abdul Halim mengaku, budaya kerja sekarang sebagai Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang memang berbeza dengan sebelum ini.

"Bezanya, Speaker DUN ini adalah legislatif (iaitu) menjaga hal perundungan, manakala Exco Kerajaan Negeri ini adalah eksekutif (iaitu) menjaga kerajaan."

"Itu bezanya, apa yang baik,

adalah menimba pengalaman lain yang baru," respons beliau.

Reka bentuk Pulau Pinang

Menurut Abdul Halim, revolusi perindustrian keempat (Industri 4.0) akan menjadi salah satu tumpuan agenda di bawah portfolio MMK Perdagangan Dalam Negeri & Antarabangsa dalam tempoh lima tahun ini.

"Saya memang nak manfaatkan perkembangan Industri 4.0 ini, bukan lagi terlalu kebergantungan kepada pekerja asing, menyediakan lebih ramai lagi bakat daripada rakyat tempatan."

"Melalui Industri 4.0 ini, apa yang boleh cuba dibuat adalah industri pembuatan bertenologi pintar."

"Seperti di Pulau Pinang, 40 peratus tenaga buruh ataupun kerjaya adalah dalam sektor perindustrian ini."

"Kita tak muh rakyat Pulau Pinang sebagai operator kilang semata-mata, tapi boleh ambil bahagian dalam sektor yang memerlukan tenaga mahir, maka sudah tentu persekitaran perindustrian 'high skills' ini dulu mesti diwujudkan," jelasnya.

Tambah beliau, pejabatnya akan lebih erat lagi bekerjasama dengan Pusat Latihan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC), bangunan ibu pejabat pusat ini adalah berhampiran Zon Perindustrian Bayan Lepas.

"PSDC ini contoh, program meningkatkan kemahiran pekerja, antara yang terbaik di

Malaysia," katanya.

Digital Ekonomi

Di bawah MMK Keusahawanan, ulas Abdul Halim, beliau sendiri akan meneroka potensi ekonomi digital untuk memperkuasa lagi potensi usahawan belia.

"(Ekonomi digital) ini akan kita tumpu untuk terokai, selain bidang keusahawanan tradisional sedia ada seperti peruncitan dan lain-lain."

"Di bawah MMK Hal Ehwal Pengguna, maka kita akan memantau harga, tidak lagi mahal, memandangkan GST telahpun dikadarkan semula pada angka sifar," ujarnya.

Beliau dalam pada itu turut berharap Kerajaan Pusat meningkatkan lagi subsidi supaya harga pasaran minyak petroleum boleh turun, serta memberi kesan berantai pada kos perniagaan yang lain.

Batu Maung


Sambil merakamkan penghargaan kepada pengundi berdaftar pada PRU14, Abdul Halim berkata, Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung merupakan suatu lokasi yang strategik untuk aktiviti perniagaan dan perdagangan.

"Batu Maung memang strategik, di sebelah 'sini' kawasan industri, di sebelah 'sana' ada Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA), kedudukannya (Batu Maung) betul-betul di kawasan bandar."

"Sungguhpun saya diumumkan sebagai calon ADUN Batu Maung dalam tempoh dua minggu sahaja, saya sempat turun dari rumah ke rumah, termasuk flat, bertemu seramai mungkin, ekspektasi rakyat sangat tinggi, iaitu muh Kerajaan terus membela mereka."

"Daripada situ, saya sendiri merasai Kerajaan sepatutnya lebih berbelanja untuk mewujudkan program-program sokongan bagi menangani isu kemiskinan bandar, mewujudkan 'bumi hijau'."

"Daripada situ, saya melihat Kerajaan Negeri terutama saya sendiri perlu bekerja lebih kuat, dan saya juga berharap selain Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan juga dapat membantu apa yang patut daripada segi peruntukan berkenaan portfolio saya, untuk mewujudkan program-program sokongan terhadap rakyat di negeri ini," jelasnya.



Tugas sukar menanti, sedia galas tanggungjawab demi masa depan Pulau Pinang - Zairil

Latar belakang & penglibatan dalam arena politik

SEBAGAI anak kepada mantan Menteri Pelajaran (1957-1960), Allahyarham Tan Sri Datuk Mohamed Khir Johari, figura ini tidak asing dalam arena politik. Malah penglibatan beliau adalah kesinambungan warisan daripada bapanya yang merupakan seorang pejuang kemerdekaan.

Dilihat sebagai pemikir, nama beliau sering berlebar-lebar dalam lingkungan para ilmuan serta intelek dan kini masih bergiat aktif sebagai penyelidik dan merupakan Felo Kanan Penang Institute, iaitu badan pemikir Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Memiliki kelulusan Sarjana dalam Pengajian Antarabangsa dan Diplomasi daripada School of Oriental and African Studies, University of London, beliau tidak lokek berkongsi pengalaman sebelum dan selepas menyertai politik.

Wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NORAZIS** berkesempatan menemu bual figura tersebut meskipun jadual yang agak padat.

Beliau yang dimaksudkan ialah **ZAIRIL KHIR JOHARI**, 36, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir.

Berpengalaman sebagai seorang usahawan dalam industri coklat tempatan suatu masa dahulu, yang mana beliau telah memperkenalkan teknologi pencetakan penuh warna atas coklat pertama dalam negara, Zairil nekad meletak jawatan dan meneruskan minatnya untuk menyertai arena politik pada akhir 2010.

"Selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 iaitu pada 2008, saya mula melihat peluang untuk perubahan di negara ini apatah lagi dengan beberapa buah negeri berubah tumpuk pentadbiran.

"(Dan) sejak itu, saya mula mengikuti rapat perkembangan semasa politik di tanah air dan mendapat inspirasi daripada tokoh-tokoh muda pada ketika itu yang juga aktif berpolitik seperti Nurul Izzah (Anwar), Anthony Loke dan Tony Pua (Kiam Wee).

"Lalu saya mengambil keputusan untuk menjadi sebahagian daripada mereka yang bergiat aktif memperjuangkan perubahan dan kemudiannya dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Pulau Pinang ketika itu, Saudara Lim Guan Eng yang kini merupakan Menteri Kewangan Malaysia.

"Alhamdulillah, saya kemudiannya dipilih oleh pucuk pimpinan untuk menyertai pilihan raya pertama saya pada tahun 2013 bagi Parlimen Bukit Bendera," ujarnya ketika ditemui di Komtar baru-baru ini.

Tugas sukar sebagai Exco

Pada Pilihan Raya Umum Ke-14 lalu, Zairil bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri N.22 Tanjung Bunga yang memperlihatkan pertandingan empat penjuru antara Parti Keadilan Rakyat (PRK), Barisan Nasional (BN), Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan Parti Bersatu Malaysia (MU).

Dengan majoriti 9,343 undi, beliau kemudiannya dipilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga menggantikan Teh Yee Cheu yang meninggalkan Parti Tindakan Demokratik



MENERIMA watikah pelantikan jawatan Exco daripada TYT baru-baru ini.

(DAP) apabila penggalnya berakhir.

Pada 16 Mei lalu, beliau mengangkat sumpah jawatan sebagai Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir bagi penggal 2018 – 2023 di hadapan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas di Dewan Sri Pinang.

Walaupun beliau merupakan antara Exco termuda di Pulau Pinang, Zairil akui bahawa ia merupakan satu tanggungjawab besar yang diamanahkan kepadanya.

"Saya akui memang tugas sukar dan satu cabaran yang besar kerana portfolio yang diberikan ini adalah amat berat melibatkan infrastruktur serta ia sangat penting, namun saya tidak akan mudah melatah dan akan melakukan yang terbaik demi masa depan Pulau Pinang yang lebih baik, itulah komitmen saya."

"Jika dilihat, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Indah Water Konsortium (IWK) dan telekomunikasi semua ini adalah di bawah portfolio saya yang pastinya memerlukan sedikit pemahaman teknikal."

"Tetapi bagi saya, saya bukanlah jurutera, tugas saya adalah untuk memastikan jurutera berwajib melaksanakan projek mengikut spesifikasi masa dan secara efisien," katanya.

Malah, dalam tempoh lima tahun akan datang, beliau yakin akan ada banyak projek infrastruktur yang akan dilaksanakan di Pulau Pinang termasuk rancangan tebatan banjir, pembinaan jalan raya serta lebuh raya baharu.

"Saya harap dengan Kerajaan Persekutuan yang ada kini, dapatlah menjadi pemudah cara untuk kita melaksanakan projek-projek infrastruktur ini, dan yang paling utama adalah projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang yang sekian lama tergendala serta projek RTB lain yang memerlukan perhatian daripada Kerajaan Persekutuan."

"(Dan) saya merasakan bahawa portfolio Tebatan Banjir akan menjadi fokus terpenting memandangkan banjir merupakan bencana paling kerap berlaku di Pulau Pinang sejak dahulu terutama dalam konteks perubahan iklim yang membawa angin serta hujan sangat lebat."

"Tambahan pula, infrastruktur sedia ada tidak dapat menampung lagi fenomena

dasar laut dan tiga lebuh raya, beliau akan memfokuskan pelaksanaan Paket 1 iaitu jalan pesisir pantai yang menghubungkan Tanjung Bunga dan Teluk Bahang serta Paket 2, lengcongan dari Air Itam ke Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu.

"Fasa berikutnya iaitu projek terowong dan jalan yang menghubungkan Jalan Pangkor ke Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu dan Bagan Ajam di Seberang Perai...itu kemudian yang penting adalah Paket 1 dan Paket 2.

"Saya juga akan memantau projek pembinaan Bukit Kukus (jalan berkembar yang menghubungkan Jalan Paya Terubong, Lebuh Raya Thean Tek ke Lebuh Bukit Jambul) yang sedang dilaksanakan bagi memastikan ia disempurnakan mengikut jadual."

"Begitu juga projek-projek di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang mengandungi projek utama seperti *Pulau Pinang Link (PIL)* dan projek LRT (Transit Aliran Ringan).

"Walau bagaimanapun, ia bukanlah dalam waktu terdekat ini kerana ia masih memerlukan penilaian, kelulusan dan sebagainya," katanya.

Apabila ditanya berhubung insiden kemalangan di tapak pembinaan Lembah Permai, Tanjung Bunga, Zairil berpendapat bahawa ia berpunca daripada kecuaian perunding dan kontraktor.

"Kerajaan Negeri memberi kelulusan berdasarkan spesifikasi tertentu termasuk menitikberatkan aspek keselamatan dan sekiranya mereka tidak mematuhi spesifikasi tersebut maka berlakuhlah kecuaian profesional (professional negligence).

"Hal ini perlu dilihat kerana Kerajaan Negeri amat tegas terhadap sebarang bentuk pembangunan, ia berlaku bukanlah kerana cerunnya curam dan sebagainya, tidak tetapi kerana ia tidak mengikut garis panduan yang telah ditetapkan."

"Bagi projek-projek akan datang di kawasan Tanjung Bunga ataupun di mana-mana sahaja di Pulau Pinang ini, saya akan memastikan penelitian dalam semua aspek diambil kira sebelum memberi sebarang kelulusan," jelasnya berharap siasatan yang masih berjalan di bawah Suruhanjaya Siasatan Pulau Pinang dapat mengenal pasti punca sebenar kejadian berkaitan.



ZAIRIL Khir Johari.

Alhamdulillah, saya sahut cabaran, sedia galas amanah dipertanggungjawabkan – Ahmad Zakiyuddin

BERBEZA bagi penggal ini, portfolio Pembangunan Hal Ehwal Agama Islam diletakkan di bawah portfolio Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang.

Sebagai muka baru, **DATO' IR. AHMAD ZAKIYUDDIN ABDUL RAHMAN**, 59, langsung tidak menduga bahawa beliau yang perlu menggalas tugas besar berkenaan.

Mempunyai latar belakang sebagai seorang jurutera profesional dan pernah memiliki syarikat perunding kejuruteraan di Sungai Petani, Ahmad Zakiyuddin turut bergiat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan.

Pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang dan merupakan Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), beliau mengakui agak terkejut apabila namanya dipilih untuk memikul tanggungjawab sebagai Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang.

“Pada Pilihan Raya Umum Ke-14 yang lalu, saya berjaya memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) N03 Pinang Tunggal dengan hanya majoriti 127.

“Jadi, saya tidak menyangka (pelantikan tersebut), kerana pada pendapat saya ada lagi calon-calon yang sering disebut-sebut dan lebih hebat.

“Alhamdulillah, saya sahut cabaran ini dan sedia menggalas amanah yang telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini.

“(Dan) sebagai Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat, pastinya saya akan memberikan yang terbaik,” ujarnya ketika ditemu bual wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **LAW SUUN TING** di pejabat beliau di Komtar baru-baru ini.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Latar belakang pendidikan dan kerjaya politik

Selepas menamatkan pengajian di Sekolah Menengah Sains Sungai Petani, Ahmad Zakiyuddin melanjutkan pengajian di peringkat A-Level di *University of Salford, United Kingdom* sebelum meneruskan pengajian dalam bidang kejuruteraan



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kiri) menerima watikah lantikan sebagai Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat pada majlis rasmi berkaitan baru-baru ini.

awam.

Pernah berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) selama 10 tahun, beliau merupakan antara individu yang bertanggungjawab membina bandar Bertam, Seberang Perai Utara (SPU).

Malah juga cukup disegani ekoran pencapaianannya dalam bidang kejuruteraan terutama dalam pembinaan masjid serta pusat pengajian tinggi di Transkrian.

Keterlibatan Ahmad Zakiyuddin dengan masyarakat lebih terserlah apabila beliau dipilih menjadi Pengerusi Qaryah Masjid At-Taqwa, Taman Bertam Indah.

Menganggap dirinya sebagai 'Bertam Boy', beliau turut meminati sukan golf sekiranya mempunyai masa lapang.

Cabar baru & moto 'First Things First'

Sebagai muka baru yang dilantik ke jawatan tertinggi pentadbiran negeri, Ahmad Zakiyuddin akui cabaran utama buat beliau adalah masa.

“Tambah pula sekarang ini bulan Ramadan, dan sebagai umat Islam pastinya dalam bulan ini kita cuba untuk perbanyakkan amal ibadah...dengan solat terawihnya, tadarus Al-Quran dan sebagainya.

“Bukan itu sahaja, masa tidur pun terhad sekarang ni,” seloroh bapa kepada enam cahaya mata ini.

Jelas Ahmad Zakiyuddin, sepanjang bulan pertama ini, beliau akan memberi fokus untuk merapatkan ukhuwah bersama-sama agensi dan jabatan kerajaan berwajib.

“Saya akan cuba memahami dan menyesuaikan diri dengan skop kerja baharu ini dan pastinya ekspektasi rakyat...itu juga suatu cabaran.

“Jadi saya akan ‘Lakukan dengan betul daripada kali pertama lagi ketika ada peluang’ dan ‘First Things First’ sebagai panduan atau moto yang saya pegang apabila menyelesaikan sesuatu kerja.

“Kita perlu selesaikan satu-persatu tugas atau tanggungjawab dan perlu lakukan satu langkah demi satu langkah...‘A journey of a thousand miles begins with a single step’,” katanya yang menjadikan Datuk

Seri Anwar Ibrahim, Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR) sebagai inspirasi.

Hal Ehwal Agama Islam di Pulau Pinang

Bagi Ahmad Zakiyuddin, Exco terdahulu, Dato' Abdul Malik Abul Kassim telah melakukan yang terbaik dalam memartabatkan Islam di Pulau Pinang.

“Pastinya saya akan meneruskan apa jua yang terbaik yang telah dilakukan oleh beliau (Abdul Malik), dan saya amat berterima kasih kerana beliau telah berjaya mengimarahkan masjid-masjid serta surau-surau di Pulau Pinang ini.

“Kita sendiri dapat melihat apabila masjid-masjid dan surau-surau yang ada di negeri ini bertambah makmur, lebih imarah dan pentadbiran masjid lebih terurus.

“Malah, pegangan ‘Rahmatan Lil 'Alamin’ iaitu Islam sebagai rahmah bagi sekalian alam yang dipelopori sebelum ini akan saya teruskan bagi membawa reformasi dalam segala aspek berkaitan Islam.

“Saya juga berhasrat menjadikan masjid-masjid di Pulau Pinang ini sebagai pusat kegiatan ummah seperti suatu ketika zaman kegemilangan Islam,” jelasnya.

Perpaduan semua kaum di Pulau Pinang

Ahmad Zakiyuddin mahu melihat perpaduan sesama kaum di Pulau Pinang disuburkan, oleh demikian beliau akan memastikan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) memainkan peranan masing-masing dalam menyampaikan perkhidmatan kepada komuniti setempat.

“Ahli-ahli JKKK ini adalah orang pertama yang akan berurusan dengan rakyat dan mereka yang menjadi perantaraan, sebab itu saya berpandangan bahawa mereka yang dipilih ini mestilah yang benar-benar layak,” tegasnya yang bukan sahaja mahu melihat perpaduan dalam kalangan Melayu di Pulau Pinang malah semua kaum termasuk Cina dan India.

Jumlah penumpang di PIA naik 6.89%, harap projek pembesaran dapat dilaksanakan segera


Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Jumlah penumpang dikendalikan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dekat Bayan Lepas bagi suku pertama tahun ini (Januari hingga Mac) menunjukkan pola menaik berbanding tempoh sama pada 2017.

Menurut sumber Malaysian Airports Berhad (MAB), jumlah ketibaan dan pelepasan penumpang di PIA bagi sektor domestik meningkat 0.40 peratus iaitu daripada 1,022,670 orang pada 2017 kepada 1,026,774 (2018).

Manakala bagi sektor antarabangsa, daripada 706,270 orang pada 2017 menjadi 821,207 (2018) iaitu meningkat sebanyak 16.27 peratus.

Mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pertambahan jumlah penumpang di PIA membuktikan



CARTA pergerakan penumpang PIA.

bahawa sektor pelancongan Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan yang baik.

"Ia (jumlah penumpang) adalah amat baik terutama bagi sektor antarabangsa, dan ia sesuatu yang tidak dijangka. "(Jadi) kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) harap

cepat-cepat besarkan lapangan terbang (PIA), jika tidak ia akan dikenali sebagai 'Pasar Malam Antarabangsa Pulau Pinang'.

"Tidak kiralah sesiapa yang menang atau kalah (dalam Pilihan Raya Umum Ke-14, PRU14), ini adalah tanggungjawab yang harus dilaksanakan (pembesaran PIA)."

"(Lagipun) pengumumannya (projek pembesaran PIA) telah dibuat pada Bajet 2018, tapi sehingga hari ini tinggal janji sahaja.

"Saya berharap ia (pengumuman pembesaran PIA) bukan sekadar menanam tebu di pingir bibir, dan kita harap ia dapat dilaksanakan dengan segera," ujarnya pada sidang media di sini 25 April lalu.

Terdahulu, Guan Eng mengumumkan pertambahan penerbangan langsung antarabangsa *China Airlines* dari Taipei ke Pulau Pinang bermula 7 Jun 2018.

Kerajaan Pusat dan Negeri yang kini selari, harap dua projek lebuh raya dapat dilaksanakan segera

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap projek Lebuh Raya menghubungkan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Air Itam dan Tanjung Bunga ke Teluk Bahang dapat dilaksanakan segera.

Ini berikutnya, menurut beliau, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat kini adalah selari selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) baru-baru ini.

"Kerajaan Negeri selari dengan Kerajaan Pusat, maka saya percaya ini akan sekurang-kurangnya dari segi proses dapat dipercepatkan sama ada ianya diluluskan, apakah syarat-syarat itu, ikutlah proses biasa."

"Di bawah Konsortium Zenith dua projek jalan sudah dapat keputusan DEIA (Kajian Terperinci Kesan Terhadap Alam Sekitar), nampaknya dua projek ini sedia untuk dilaksanakan kecuali dengan isu tanah Persekutuan sebelum ini."

"Jadi dengan perubahan (Kerajaan Pusat) ini, kita (Kerajaan Negeri) harap keputusan dapat dibuat dengan cepat," ujarnya pada sidang media sejurus Majlis Perasmian Bazar Ramadan Anjuran Liga Muslim Pulau Pinang Ke-26 di Lebuh Queen di sini 18 Mei lalu.

Potong 10% gaji pokok KM dan anggota Ahli-ahli MMK, sumbang kepada Tabung Harapan – Kon Yeow

GEORGE TOWN - 10 peratus gaji pokok Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow serta 10 Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang lain dipotong setiap bulan berkuatkuasa Jun ini, sehingga arahan baru dikeluarkan untuk memberhentikannya.

Kon Yeow memberitahu, semua hasil pemotongan gaji tersebut berjumlah RM13,526.80

sebulan akan disumbangkan kepada Tabung Harapan.

"Diharapkan keputusan ini akan membantu meringankan beban hutang Kerajaan Persekutuan yang ditinggalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN)," jelasnya dalam sidang media di sini 31 Mei lalu.

Sebelum itu, Kon Yeow memaklumkan bahawa keputusan memotong 10 peratus gaji pokok

tersebut diputuskan dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri sehari sebelum itu.

Tambah beliau, keputusan sebalut suara itu adalah selari dengan ketetapan dibuat Kerajaan Persekutuan sepertimana yang diumumkan Perdana Menteri, Y.A.B. Tun Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini, bahawa gaji pokok Jemaah Menteri akan dipotong 10 peratus serta-merta.

BORANG-BORANG BOLEH DIDAPATI DI:

JABATAN PERTANIAN +04-537 2142 **JABATAN PERIKANAN** +04-657 2777 **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR** +04-508 4368

Komite cegah banjir, peruntuk RM395 juta sejak 2008

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : LAW SUUN TING

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri komited melaksanakan pelbagai usaha dan penambahbaikan dalam usaha mencegah banjir sejak mentadbir Pulau Pinang sejak 10 tahun lalu.

Menurut beliau yang sebelum ini merupakan mantan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, sejumlah RM395 juta telah dibelanjakan Kerajaan Negeri termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri bagi mengatasi masalah

“Kita (Kerajaan Negeri) komited kepada usaha menaik taraf sistem tebatan banjir, dan melalui usaha-usaha yang telah dijalankan terdapat beberapa kawasan sering mengalami banjir berinya diatas.

“Contohnya di Jalan Kampung Baru, Bukit Mertajam dengan nilai peruntukan RM6.9 juta ini....

difahamkan sejak November (2017) tidak lagi berlakunya banjir di sana.

"Malah, sebagai makluman semenjak mendadik Pulau Pinang sedekad lalu, sejumlah RM395 juta telah diperuntukan Kerajaan Negeri membabitkan 418 projek di seluruh Pulau Pinang.

“Peruntukan-peruntukan ini masing-masing RM195,307,971.26 daripada Caruman Perparitan Negeri Pulau Pinang membabitkan 372 projek; Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) (RM50.4 juta, 37) dan Kerajaan Negeri pada 2017(RM150 juta, 9),” ujarnya ketika mengadakan lawatan ke tapak projek tebatan banjir sistem saliran terusan Prangin (S10) baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtan merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng, ADUN Pengkalan Kota, Gooi Zi Sen dan Ahli Majlis MBPP, Wong Yuee Harng.

A group of four men in white shirts and dark trousers are standing in front of a large, colorful mural on a wall. They are all giving a thumbs-up gesture. The mural features a collage of various construction and urban development scenes. Overlaid on the mural is text in Malay: "JALAN MACALISTER", "Kos Projek: RM 1,118,332.86", "Agensi Perumahan - 1995", "SJK Projek - Pusatkan Sistem Pembangunan Terpadu - 25 APRIL 2014 - 21 NOVEMBER 2016". The background shows a street scene with trees, buildings, and some traffic signs.

CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) ditemani **Teh Lai Heng** (kiri sekali), **Gooi Zi Sen** (dua dari kanan) dan **Wong Yuee Harng** ketika mengadakan lawatan ke tapak projek tebatan banjir sistem saliran terusan Prangin (S10) di sini baru-baru ini.

dilaksanakan kin

Mengulas lanjut, Raja Iesow yang juga ADUN Padang Kota memberitahu, usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam mengatasi banjir telah diterjemahkan menerusi papan-papan makluman yang memaparkan projek-projek yang telah berjaya dan sedang

"Idea ini diberikan oleh Teh (Lai Heng) yang mencadangkan supaya maklumat mengenai usaha tebatan banjir dipaparkan untuk makluman umum dan orang ramai dapat memperoleh maklumat mengenainya," jelasnya.

Coding For All sasar 120,000 pelajar menjelang 2020

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *Penang Science Cluster* (PSC) mensasarkan sekurang-kurangnya 120,000 pelajar menyertai Program Coding For All menjelang tahun 2020.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PSC, Ooi Peng Ee, inisiatif tersebut adalah membabitkan lebih 50 peratus pelajar di 400 sekolah rendah dan menengah di negeri ini.

"Inisiatif seumpamanya ini di Malaysia dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dengan nilai pelaburan mencecah RM6 juta bagi tempoh tiga tahun bermula tahun ini (2018).

“(Dan) PSC sebagai peneraju inovasi sains di negeri ini akan membangunkan ilmu pengetahuan dan kemahiran pengekodan dalam kalangan pelajar di Pulau Pinang.

"Ini termasuk, kurikulum bagi murid sekolah rendah yang akan didedahkan dengan aplikasi *Scratch* dan *Micro:bit* serta aplikasi *Arduino*, *Python* dan *MIT App Inventor* untuk pelajar sekolah menengah," katanya ketika memberi taklimat berhubung inisiatif *Program Coding For All* dekat Wisma Yeap Chor Ee di sini baru-baru ini.

Hadir sama, mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Pengarah PSC yang juga veteran teknologi, Datuk Yoon Sard Jard Ilni.

Semoga bertujuan untuk mengadakan pertandingan reka cipta perisian komputer.

Difahamkan, inisiatif berkaitan adalah sebahagian usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah

pemerkasaan pengajian STEM iaitu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik bagi menghadapi Revolusi Industri 4.0.

LIM Guan Eng (duduk, berkemeja putih) teruja mendengar keterangan salah seorang peserta bengkel pengekodan sambil diperhatikan oleh Prof. Dr. P. Ramasamy (berdiri, kiri) di Wisma Yeap Chor Ee baru-baru ini.



**Pusat
Haemodialisis
Zakat**

Jumlah Peruntukan
Tahunan Pengurusan
Pusat Haemodialisis
Zakat (PHZ) Sebanyak
RM 6 Juta

SENARAI CAWANGAN-CAWANGAN PHZ

PAZ CAWANGAN KERINCHIAHAN
Batu 100, Kompleks Perindustrian Batu 100, Pulau Pinang,
010-981 8888
1000-Batu 100, Pulau Pinang

PAZ CAWANGAN BOTTABURUH
Batu 100, Kompleks Perindustrian Bottaburuh, No. 10,
Jalan Petaling, 10000 George Town, Pulau Pinang
010-981 8888
1000-Batu 100, Pulau Pinang

PAZ CAWANGAN RAJAH PULAU
Batu 100, Kompleks Perindustrian Rajah Pulau,
No. 10, Batu 100, Pulau Pinang
010-981 8888
1000-Batu 100, Pulau Pinang

PAZ CAWANGAN BUKIT MERTAJAM
Batu 100, Kompleks Perindustrian Bukit Mertajam,
No. 10, Jalan Perindustrian Raja,
1000-Batu 100, Pulau Pinang
010-981 8888
1000-Batu 100, Pulau Pinang

PAZ CAWANGAN NIBONG TEKONG
Batu 100, Kompleks Perindustrian Nibong Tekong,
No. 10, Jalan Perindustrian Nibong,
1000-Batu 100, Pulau Pinang
010-981 8888
1000-Batu 100, Pulau Pinang

PAZ CAWANGAN BATU LEPAS
Batu 100, Kompleks Perindustrian Batu Lepas,
No. 10, Jalan Perindustrian Batu Lepas,
1000-Batu 100, Pulau Pinang
010-981 8888
1000-Batu 100, Pulau Pinang

ZAKAT PULAU PINANG
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam,
Tel : 04-549 8088 Faks: 04-530 6466



 zakatpenang

Abdul Malik dilantik sebagai YDP MAINPP

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN - Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman masing-masing menerima wakil lantikan sebagai Yang di-Pertua (YDP) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Timbalan Yang Di-Pertua MAINPP berkuat kuasa 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2019.

Pelantikan tersebut diumumkan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V.

Penyampaian wakil lantikan dilakukan di hadapan mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada majlis sidang media di sini 25 April lalu.

Abdul Malik yang merupakan mantan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ketika ditemui menzahirkan penghargaan atas perkenan DYMM Yang di-Pertuan Agong.

"Terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah memberi kepercayaan dan menghantar cadangan nama (sebagai YDP MAINPP) untuk memutus perkenan lantikan.

"InsyaAllah, saya akan terus memartabatkan syiar Islam di negeri ini dan 'meletakkan' umat Islam Pulau Pinang di suatu tempat yang sepatutnya," ujar beliau.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)



ABDUL MALIK ABUL KASSIM (kiri sekali) berjabat tangan dengan Farizan Darus (kanan sekali) sambil disaksikan Lim Guan Eng (tengah) pada Majlis Penyampaian Watikah Lantikan YDP MAINPP di sini baru-baru ini.

Pinang Tunggal yang juga Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang, Ahmad Zakiyuddin bertekad untuk memberikan perkhidmatan terbaik demi kelangsungan syiar Islam.

Guan Eng, dalam pada itu turut menzahirkan ucapan

tahniah atas pelantikan tersebut.

"Ir. Ahmad Zakiyuddin adalah salah seorang pengasas Pusat Dialisis di Masjid At-Taqwa iaitu perkhidmatan dialisis dengan bayaran RM30 bukan sahaja kepada umat Islam, malah juga bukan Islam.

"Saya percaya kedua-duanya pemimpin masyarakat yang hebat dan berbakti kepada semua sama ada orang Islam maupun bukan Islam," katanya.

Selain itu, lima *ex-officio* dan tujuh yang lain (lima daripadanya mahir dalam hukum syarak) turut diperkenan lantikan keanggotaan dalam MAINPP, mereka ialah:

1. Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang),
2. Dato' Anas Ahmad Zakie (Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang),
3. Dato' Sarul Bahiyah Abu (Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang),
4. Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (Mufti Negeri Pulau Pinang),
5. DVP Dato' Roslee Chik (Timbalan Ketua Polis Negeri Pulau Pinang), dan
6. Datuk Abd. Aziz @ Aziz Che Yacob,
7. Mohd. Tuah Ismail,
8. Ustaz A. Rhaffor Mahmod,
9. Ustaz Mohd. Rizal Akhir,
10. Haji Tapiudin Hamzah,
11. Mohamad Taupik Mohamad Nor,
12. Syed Mogamad Mazli Syed Ahmad.

Kunjungan hormat bincang program rakyat babit B40

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menerima kunjungan hormat Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Nurul Izzah Anwar yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman serta beberapa barisan kepimpinan PKR negeri turut serta kunjungan hormat tersebut di Pejabat Ketua Menteri di sini 21 Mei lalu.

Kon Yeow memberitahu, dalam 30 minit perbincangan tertutup, antara lain adalah mengenai syor-syor terhadap Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini supaya memberi tumpuan kepada rakyat dalam kelompok isi rumah berpendapatan rendah (B40).

"Kita juga berbincang bagaimana untuk meremajakan kampung-kampung tradisional di Pulau Pinang, suka saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YB (Nurul Izzah) kerana saling berkongsi harapan, bagaimana Kerajaan Negeri dengan kerjasama bersama-sama Kerajaan Persekutuan boleh melaksanakan pelbagai lagi transformasi," jelasnya sejurus

selepas pertemuan berkaitan.

Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjung merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota menyatakan bahawa pentadbirannya turut berharap dapat melaksanakan pelbagai lagi program kebajikan demi meningkatkan mutu hidup rakyat di Pulau Pinang.

Bercakap pada sidang media sama, Nurul Izzah berharap pentadbiran Kon Yeow juga turut memikirkan pelan untuk mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerja untuk golongan B40.

"Sebagaimana diingatkan oleh Saudara Anwar Ibrahim bahawa: Kita dipilih oleh rakyat dan dengan kemenangan ini untuk kita (Pakatan Harapan) melaksanakan agenda kebajikan, program peduli rakyat.



CHOW Kon Yeow (tengah) berjabat tangan dengan Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman sambil diperhatikan Nurul Izzah Anwar pada sesi kunjungan hormat di sini baru-baru ini.

"Antara yang harus kita bincangkan (adalah) bagaimana kita boleh mewujudkan peluang pekerjaan bagi mereka yang daripada kelompok isi rumah berpendapatan rendah (B40)," jelasnya.

Nurul Izzah dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng yang kini adalah Menteri Kewangan, kerana dalam tempoh 10 tahun sejak 2008 berjaya memakmurkan mutu hidup rakyat Malaysia di negeri ini.

Penang Green JOURNALISM AWARD

Deadline: 31st July 2018

Announcement of winners: October 2018

Published materials between:

1st July 2017 - 30th June 2018

HARD NEWS

PHOTOJOURNALISM

FEATURES WRITING

www.pgc.com.my/greenjournalism

04 250 3322 016 517 7382 info@pgc.com.my

Taman Tunku, konsep taman malam bercahaya pertama di Seberang Perai

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

SEBERANG JAYA - Penduduk di Seberang Perai kini boleh melakukan aktiviti riadah pada waktu malam ekoran projek pemasangan lampu jalan dekat Taman Tunku di sini telah siap sepenuhnya.

Mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, konsep taman cahya berkenaan adalah inisiatif terbaru Kerajaan Negeri bagi menggalakkan penggunaan taman tersebut oleh orang awam pada waktu malam.

"Hari ini kita dapat menyaksikan penyempurnaan projek pemasangan lampu

jalan di keseluruhan taman yang akan memanfaatkan para pengguna.

"Kita (Kerajaan Negeri) nak jadikan Pulau Pinang sebagai Taman Malam Bercahaya atau *Night Park*, kerana kita sedia maklum bahawa pada waktu siang sangat panas dan penduduk juga agak sibuk.

"Konsep ini bukanlah sesuatu yang asing di luar negara, tetapi di Malaysia ia adalah sesuatu yang baru," jelasnya pada majlis perasmian projek berkenaan di sini 20 April lalu.

Turut berucap, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud dan Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin.



KEADAAN Taman Tunku pada waktu malam kini.



LIM Guan Eng (tengah) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Perasmian Projek Pemasangan Lampu Jalan Taman Tunku di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Lim Hock Seng (mantan Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan); Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmud; Ahli-ahli Majlis bagi MPSP dan komuniti setempat.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan, projek berkenaan yang dilaksanakan melalui tiga fasa telah menelan belanja hampir RM240,000.

Tambahnya, Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk mewujudkan lebih banyak taman seumpama itu sekiranya mendapat sambutan menggalakkan daripada rakyat di

negeri ini.

"Kita harap kita berpeluang untuk menaik taraf taman malam bercahaya ini sebagai usaha ke arah menjadikan Pulau Pinang negeri hijau dan sihat.

"Kita juga berharap agar segala kemudahan yang ada di taman ini juga dapat dijaga dengan baik demi manfaat semua," ujar Guan Eng.

Difahamkan, pembinaan fasa akhir taman cahya tersebut dimulakan pada 13 Mac lalu dan berjaya disiapkan pada 30 Mac 2018.

Rejuvinasi Taman Rekreasi Awam Sembilang tambahan kemudahan komuniti Seberang Jaya

SEBERANG JAYA - Projek peremajaan semula Taman Rekreasi Awam Sembilang yang menelan belanja RM120,120 bakal menambah lagi kemudahan untuk komuniti Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir yang kini merupakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu, pelan rejuvinasi serta kerja-kerja penarasaran projek itu mengambil masa selama tiga bulan mulai 15 Mac hingga 9 Jun 2018.

"Kawasan ini dipilih memandangkan ia mempunyai sumber keindahan semula jadi yang asli dan ia adalah sebahagian daripada ekosistem Sungai Perai."

Justeru, dengan projek naik taraf yang kita laksanakan ini, ia dapat memberikan satu ilham baru buat jurugambar-jurugambar dan anak-anak muda," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Penggerusi Parti Tindakan Demokratik (DAP) Pulau Pinang dalam Majlis Pecah Tanah Menaik Taraf Taman Rekreasi Awam Sembilang di sini baru-baru ini.

Turut berucap, ADUN Seberang Jaya merangkap Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin serta Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran

MPSP, Ir. Rosnani Mahmud.

Sebelum itu, Afif menyatakan bahawa beliau berharap projek penarasaran tersebut dapat meningkatkan nilai tambah Taman Rekreasi Awam Sembilang, kelak.

"InshaAllah, projek masa depan antaranya menjadikan Seberang Jaya sebagai Taman Sukan Ekstrem, anak tempatan kita di panggil untuk memberi pendapat serta reka bentuk cadangan 'skate (board) park,'" jelasnya.

Manakala, menurut Rozali, MPSP mensasarkan untuk menjadikan Seberang Perai sebagai 'Bandar Rendah Karbon' dan 'Banda Raya Pintar' menjelang tahun 2022.

Atas maksud itu, MPSP menaik taraf kawasan lapang di sini yang berkeluasan 3.02 ekar, antara lain dilengkapi pemberian laluan pejalan kaki, struktur dinding konkrit, daratan kejat, arca bangku, lantai konkrit longkang untuk laluan masuk, papan tanda nama Taman Rekreasi Awam Sembilang, papan tanda larangan, penanaman pokok serta rumput.

"Kita memang berhasrat menjadikan semua kawasan lapang taman rekreasi di Seberang Perai sebagai lokasi foto perkahwinan.

"Sila berikan pendapat kepada MPSP

bagaimana untuk lebih inklusif, termasuk merealisasikan projek pembangunan ekonomi setempat dalam tiap-tiap projek pemajuan di Seberang Perai," katanya.

Selain itu, tambah Rozali, MPSP di Seberang Jaya sebelum ini turut menaik taraf beberapa projek kemudahan awam seperti trek jogging malam berlampa berhampiran Sungai Pertama; naik taraf pencahayaan lampu trek jogging Taman Tunku; penganjuran program senam komuniti Pagi Tanpa Kereta berhampiran pasar raya Sunway Carnival serta 'Upcycle Park' pertama negara berhampiran Kompleks Ibu Pejabat MPSP.

MAMMO PENANG PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

"Untuk wanita berumur 35 ke atas"

*Sila berdaftar di Pusat Khidmat ADUN atau Penyelaras KADUN berdekatan anda

1 dalam setiap 20 wanita di Malaysia mempunyai risiko untuk mendapat kanser payudara dalam hayat kehidupan mereka ini bersamaan dengan 700,000 orang!

PENANG Sihat PWDC Pink HEALTHCARE GROUP

Makam bersejarah Dato' Koyah kini dibuka

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN - Makam Ulama India Muslim terkenal, Dato' Koyah atau nama sebenar, Datuk Syed Mustapha Idris kini dibuka untuk lawatan orang ramai setelah melalui proses baik pulih kira-kira empat tahun.

Majlis pembukaan semula makam tersebut disempurnakan oleh Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir yang kini merupakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim dekat Jalan Transfer di sini baru-baru ini.

Ketika berucap, Kon Yeow menyifatkan bahawa cabaran dihadapi Persatuan Warisan Dato' Koyah adalah amat berbaloi apabila makam sejarah kategori satu bernilai RM1.2 juta itu kini tersergam indah di tengah-tengah bandar raya George Town.


"Pemimpin persatuan menunjukkan kepimpinan, tanggungjawab, komitmen yang tinggi dalam menggembung usaha dan sokongan komuniti India Muslim Tanjong dengan syarikat-syarikat korporat bagi menyiapkan projek ini."

"Saya juga bersyukur kerana pihak persatuan juga memberi kerjasama yang baik hingga projek ini dapat direalisasikan... tidak lupa juga kepada mantan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik yang berusaha keras selama ini," ujarnya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Persatuan Warisan Dato' Koyah, Abdul Rashid Masooth, ahli-ahli persatuan, wakil-wakil dari ThinkCity Sdn. Bhd. (pelaksana projek) dan *George Town World*



CHOW Kon Yeow (kanan sekali) dan Abdul Malik Abul Kassim (tengah) ketika mengadakan lawatan ke makam bersejarah Dato' Koyah di sini baru-baru ini.



Heritage Incorporated (GTWHI).

Dalam pada itu, Abdul Malik mengajak pihak persatuan agar terus bekerjasama erat dengan Kerajaan Negeri dalam memastikan syiar Islam terus terpelihara di samping menjauhi segara perkara khurafat berkaitan makam ulama tersohor berkenaan.

Bagi Abdul Rashid, beliau menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri yang turut menyumbang sebanyak RM160,000 dalam menyiapkan proses pemuliharaan makam berkenaan.

Difahamkan makam yang dibina pada 1840 itu melalui proses sedikit lama untuk disiapkan berikutnya syarat-syarat ketat dari segi penggunaan bahan binaan oleh UNESCO.

**PINJAMAN PENDIDIKAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
SESI 2018 / 2019**

Permohonan boleh dibuat melalui **online** mulai
1 Jun 2018 hingga 30 Ogos 2018

<https://epp.penang.gov.my>

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG
Tel : 04-6505165/5391/5599/5627
Faks : 04-2613453

Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang.

Sijil	Diploma	Ijazah Sains	Ijazah Sastera	Sarjana	PhD
-------	---------	--------------	----------------	---------	-----

Komitmen peruntukan sambutan Ramadan kepada masjid-masjid seluruh negeri diteruskan – KM

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFI
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri pimpinan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berjanji akan terus memberi komitmen berhubung peruntukan bagi membolehkan masjid-masjid seluruh negeri ini menyambut ketibaan bulan Ramadan dengan penuh bermakna.

"Bantuan ini merangkumi lima masjid daerah dan lebih daripada 200 masjid biasa dan surau-surau seluruh negeri Pulau Pinang."

"Sejak mengambil alih pemerintahan pada tahun 2008, peruntukan Kerajaan Negeri pada aspek pembangunan hal ehwal agama Islam telah naik hampir 100 peratus kepada RM457 juta bagi tempoh lapan tahun iaitu (dari 2008) sehingga 2016," ucapnya pada Majlis Tahbil dan Berbuka Puasa di Dewan Kelab Sukan Pemuda Muslim (YMSC), Lebuh King di sini 19 Mei lalu.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Pengurus YMSC, Munawar Sadiq.

Pada kesempatan sama, Kon Yeow turut meluangkan masa ke majlis berbuka puasa anjuran Persatuan Muslim Bersatu (UMA) dekat Jalan Transfer.

Ketika berucap di Dewan UMA, Kon Yeow selaku Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota mengucapkan terima kasih kepada masyarakat setempat yang terus memberi mandat kepada Pakatan Harapan (PH) untuk mengemudi pentadbiran Negeri dan Persekutuan.

"Kemenangan pada pilihan raya baru-baru ini bukanlah menandakan perjuangan sudah berakhir, sebaliknya perjuangan ini baru bermula... memang banyak cabaran di hadapan kita," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Tanjung.

Presiden UMA, Syed Sultan Mydin dan Presiden Persatuan Liga Muslim Pulau Pinang, Datuk Haja Najmudeen Kader turut hadir pada majlis berkaitan.

Sekitar Ramadan



PELBAGAI juadah berbuka puasa yang dijual di Bazar Ramadan dekat Lebuh Queen.



EXCO Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan kurma kepada pasukan Bomba dan Penyelamat Tanjung Tokong baru-baru ini.



CHOW Kon Yeow (tengah, berkemeja putih) mencuba bakat menyurai roti jala pada Majlis Perasmian Bazar Ramadan Anjuran Liga Muslim Pulau Pinang Ke-26 dekat Lebuh Queen di sini baru-baru ini.

Open to all eligible Malaysian students**
2018 SCHOLARSHIP for undergraduate studies in Malaysia

You may apply for either:

PENANG SCHOLAR

- Minimum CGPA 3.67
- Household income not more than RM15,000 per month

MUTIARA SCHOLAR

- Minimum CGPA 3.00
- Household income not more than RM5,000 per month

Sponsored Courses

MQA fully-accredited courses in Science*, Technology, Engineering, Mathematics (STEM), Accountancy and Finance. (*excludes Medicine)

Upon completion of study, the scholars are bound to work in Penang in any organisation of their choice.

Online Application Date

from 1 June 2018 to 21 June 2018

Further Details

www.penangfuturefoundation.my

Contact Us

info@penangfuturefoundation.my

** TERMS AND CONDITIONS APPLY

KM yakin Kerajaan Negeri dan Pusat melalui dasar-dasar ekonomi bolehkan rakyat nikmati pembangunan lestari

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **LAW SUUN TING**

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyeru pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negeri ini khususnya untuk sama-sama membela serta ambil peduli akan nasib dan kebijakan golongan berpendapatan rendah.

Beliau berkata demikian ketika hadir pada Majlis Berbuka Puasa dan Bacaan Tahlil serta Penyampaian Bantuan Ramadan anjuran Persatuan Kemajuan Wanita Pulau Pinang (PERJUANITA) bertempat di Dewan Persatuan Muslim Bersatu (UMA) dekat sini 20 Mei lalu.

Menurut Ahli Parlimen Tanjong itu, beliau turut memuji NGO-NGO serta pimpinan persatuan-persatuan Muslim di sekitar Tanjong yang senantiasa memastikan kesejahteraan komuniti di sini.

"(Kebanyakan) NGO-NGO yang ada ini, mereka menjadi perantaraan antara rakyat dan kerajaan serta menjalinkan hubungan yang erat untuk sama-sama membantu golongan memerlukan khasnya mereka yang berpendapatan rendah.

"Jadi, saya berharap (agar) NGO-NGO di seluruh negara khususnya di Pulau Pinang dan kawasan ini (Tanjong) agar sama-sama memainkan peranan masing-masing melaksanakan program-program



CHOW Kon Yeow bersalaman dengan para jemputan Majlis Berbuka Puasa dan Bacaan Tahlil serta Penyampaian Bantuan Ramadan anjuran PERJUANITA di sini baru-baru ini.

sosial dan kebajikan," ucapnya pada majlis berkaitan.

Turut berucap, Pengurus PERJUANITA,

Fatimah Abdul Kadir.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng

serta pimpinan PERJUANITA dan UMA Pulau Pinang.

Difahamkan, seramai 100 asnaf dan miskin terpilih sekitar Tanjung hadir menerima bantuan daripada PERJUANITA pada majlis berkaitan.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang ditemani isteri, Puan Tan Kean Lee berkata, sejak 10 tahun lalu, Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang telah memperkenalkan pelbagai program kebajikan.


"Saya percaya program-program ini sedikit sebanyak membantu rakyat seperti warga emas, ibu tunggal, pelajar dan orang kurang upaya (OKU).

"Malah, golongan berpendapatan rendah turut diberikan perhatian, dan kini saya yakin Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui dasar-dasar ekonominya membolehkan rakyat menikmati pembangunan lestari.

"Saya tahu, pengundi telah memilih kerajaan baru di peringkat Pusat dengan ekspektasi tinggi, namun, sebelum boleh membentuk dasar-dasar yang memenuhi aspirasi rakyat, mereka (pimpinan Pusat) perlu menyelesaikan masalah - masalah sedia ada.

"Jadi, saya berharap dan menyeru agar rakyat bersabar dan memberi peluang untuk Kerajaan Persekutuan berfungsi sepenuhnya," ujarnya.

TAMAN SERI IPIL NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN



RUMAH TERES SATU TINGKAT


Jumlah Unit	: 48
Harga Jualan	: RM 318,888.00 (min) RM 386,848.00 (mak)
Keluasan Tanah	: 1690 kps (min) 3014 kps (mak)
Keluasan Binaan	: 22'X 47'



RUMAH TERES 1 1/2 TINGKAT

Jumlah Unit	: 37
Harga Jualan	: RM 388,888.00 (min) RM 562,328.00 (mak)
Keluasan Tanah	: 1690 kps (min) 5651 kps (mak)
Kelusan Binaan	: 22'x47'

Hakmilik Kekal
5 % Diskaun untuk Bumiputera



Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:
Bahagian Perumahan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Paras 20, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang
Tel: 04-6505 242/6505 244 • Fax: 04-2622 904

Pemaju

Vibrant Elite Sdn Bhd (731352-H)

No. 7132-7135, Tingkat 1, Jalan Bagan Jermal, Taman Bintang, 12100 Butterworth

Tel: **04-3328759, 3236911** Fax: **04-3334469**

No Lesen Pemaju Perumahan: 14447-1/08-2018/0598(L) • Tempoh sah: 3/8/2016 hingga 2/8/2018
No Permit Iklan dan Jualan: 14447-1/08-2018/0598(P) • Tempoh Sah: 3/8/2016 hingga 2/8/2018
Pelan Bangunan Diluluskan oleh: Majlis Perbandaran Seberang Perai
• No Rujukan Pelan Bangunan: MPS/P/40/20-71/17 • Tarikh Dijangka Siap: Disember 2018
• Jenis Hakmilik: Kekal • Bebanan Tanah: Malayan Banking Berhad
Sekatan Kepentingan: Tiada

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.03 PINANG TUNGGAL YB Dato' Ir. Zakiuddin Abdul Rahman	(T)
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain	(T)
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T)
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T)
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin	(T)
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
N.02 BERTAM YB Khalil Mehtab Mohd. Isha	(T)
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal	(T)
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Muniandy	(T)
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com	(T)
N.12 PENANTI YB Dr. Norlila Ariffin norlila.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee	(T)
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung	(T)
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T)
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye	(T)
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Prtipal Abdullah	(T)
N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifli Ibrahim	(T)
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee	(T)
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit	(T)
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen	(T)
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungapinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong	(T)
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid	(T)

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang	(T)
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Arumugam	(T)
N.36 PANTAI JEREJAK YB Dato' Saifuddin Nasution	(T)
N.38 BAYAN LEPAS YB Azril Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	(T)
N.39 PULAU BETONG YB Hajji Mohd. Tuah Ismail	(T)
N.40 TELUK BAHANG YB Zolkify Md. Lazim	(T)
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115
-	(T)

Nama ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	(T)
N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)
-	No Tel/ No Faks
-	-
-	-
-	-
-	-
-	-
-	-
-	-

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
OPERATOR ANTARABANGSA	101		04-226 5161
HOTLINE MBPP	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
NEGERI	04-262 2300	(BUTTERWORTH)	04-310 2377
KASTAM	04-250 3419	JAMBATAN PP	04-398 7419
IMIGRESEN	04-228 0342	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	CAP	04-829 9511
EPF	04-226 1000	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
SOCSO	04-238 9888	PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108
			04-229 8555

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1 Penaga	:	N22 Tanjung Bungah	:
N2 Bertam	-	N23 Air Putih	-
N3 Pinang	-	N24 Kebun Bunga	-
N4 Tunggal	-	N25 Pulau Tikus	-
N5 Permatang	-	N26 Padang Kota	-
N6 Berangan	-	N27 Pengkalan Kota	-
N7 Sungai Dua	-	N28 KOMTAR	-
N8 Telok Air Tawar	-	N29 Datok Keramat	-
N9 Sungai Puyu	-	N30 Sungai Pinang	-
N10 Bagan Dalam	-	N31 Batu Lancang	-
N11 Seberang Jaya	-	N32 Seri Delima	-
N12 Permatang Pasir	-	N33 Air Itam	-
N13 Penanti	-	N34 Paya Terubong	-
N14 Berapit	-	N35 Batu Uban	-
N15 Machang Bubuk	-	N36 Pantai Jerejak	-
N16 Padang Lalang	-	N37 Batu Maung	-
N17 Perai	-	N38 Bayan Lepas	-
N18 Bukit Tumbun	-	N39 Pulau Betong	-
N19 Jawi	-	N40 Telok Bahang	-
N20 Sungai Bakap	-		
N21 Sungai Acheh	-		

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2018**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
Kumar a/l Kanapathy	012 - 548 2465 019 - 658 2465
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Thomas Loh Wei Pheng	04-390 6836 012 - 409 6836
Woo Sze Zeng (Joshua)	016 - 557 6672
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 461 6390
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Dr. Seow Kweng Tian	04 - 593 5493 012 - 507 2229
Fadzil Hj Abdullah	017 - 343 4464
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 505 7288 013 - 430 2096
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Hamizah Abdul Manab	013 - 591 6344
-	
-	
-	
-	
-	

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Elempedu Valuthi	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556 018 - 467 0037
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	Nakulan A/L Muthumanikam	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	010 - 462 0073


Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2018**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Ahmad Razaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Khoo Salma Nasution	017 - 456 6012
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Wong Yuee Harrng	016 - 439 9121
-	
-	
-	
-	
-	
-	
-	
-	

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Mei 2018**



17 Ramadan 1439 H

2hb Jun 2018
Nuzul Al-Quran 1439H

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI,
SUNARTI YUSOFF

Jurugambar/Juruvideo:
LAW SUEN TING, ALISSALA THIAN,
AHMAD ADIL MUHAMAD, DARWINA MOHD. DAUD,
ALVIE CHENG, NOOR SITI NABILAH NOORAZIS,
CHAN KOK KUAN

Jurugrafik: IDZHAM AHMAD, NUR AFIAQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Merealisasikan manifesto Sungai Acheh fokus utama Zulkifli

PILIHAN Raya Umum ke-14 (PRU-14) lalu memperlihatkan kebangkitan golongan anak muda yang begitu signifikan termasuk di Pulau Pinang.

Hasilnya, ramai muka baru yang terdiri daripada golongan anak muda berjaya menempatkan diri sebagai wakil rakyat sama ada di peringkat Parlimen mahupun Dewan Undangan Negeri (DUN).

Antaranya, **ZULKIFLI IBRAHIM**, 39, daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang berjaya memenangi kerusi DUN Sungai Acheh selepas menewaskan calon daripada parti Parti Islam se-Malaysia (PAS) dan Barisan Nasional (BN) dengan majoriti sebanyak 7,486.

Empat tawaran utama

Dengan membawa slogan 'Diyakini, Terbukti dan Berbakti', Zulkifli berkata, beliau akan memfokuskan usaha untuk merealisasikan empat tawaran utama yang terkandung di dalam manifesto Sungai Acheh.

Katanya, aspek utama yang akan diberi perhatian adalah melibatkan pendidikan rakyat, iaitu dengan membangunkan pusat tuisyen percuma kepada kanak-kanak bagi melahirkan lebih ramai murid cemerlang selain dapat meringankan

beban golongan ibu bapa.

"Putus tuisyen percuma ini adalah sebagai tanda komitmen saya terhadap prestasi anak-anak yang bersekolah di Sungai Acheh, dan ia merupakan salah satu janji saya untuk anak celik di kawasan ini," ujarnya yang kini sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan di *Open University Malaysia* (OUM).

Selain itu, menurut Zulkifli, beliau juga menitikberatkan soal pembangunan ekonomi terutamanya untuk golongan belia bagi memastikan kumpulan berkenaan tidak tertinggal dalam arus pembangunan yang pesat di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Untuk tujuan ini, kita akan lancarkan beberapa program bagi meningkatkan ekonomi golongan muda, antaranya dengan melancarkan Koperasi Perniagaan Anak Muda Sungai Acheh, membina gelanggang futsal dan badminton berserta tapak perniagaan malam (*downtown*), kelas teknik perniagaan dalam talian dan lain-lain.

"Diharapkan kumpulan belia di kawasan ini dapat mengambil manfaat daripada program-program ini untuk memajukan lagi ekonomi masing-masing terutama bagi mereka yang menjalankan

perniagaan dengan mengeluarkan produk sendiri," gesanya.

Mengulas lanjut, Zulkifli menyatakan bahawa penduduk di kawasan Sungai Acheh juga berdepan masalah kekurangan Rumah Mampu Milik (RMM) dan perkara itu akan diberi perhatian yang serius dalam tempoh lima tahun ini.

"Berdasarkan hubungan baik dan pengalaman saya bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, saya yakin mampu membawa sejumlah peruntukan yang besar untuk projek RMM di DUN Sungai Acheh.

"Bukan itu sahaja, saya juga akan meneroka jalan bersama dengan Kerajaan Negeri untuk menawarkan rumah mampu sewa dan selesa kepada penduduk di sini khususnya untuk anak-anak muda yang baru mendirikan rumah tangga sebagai kaedah mengurangkan beban mereka," ujarnya.

Malah tambah beliau, memandangkan Sungai Acheh merupakan 'pintu masuk' di bahagian selatan Pulau Pinang, sudah sewajarnya kawasan berkenaan dibangunkan sebagai sebuah bandar yang moden dan dilengkapi dengan pelbagai prasarana dan infrastruktur.

"Satu elemen yang saya tekanan sepanjang kempen adalah untuk mewujudkan kemudahan mesin

ATM di sini kerana terdapat banyak rungutan berkaitan perkara ini.

"Di Sungai Acheh belum ada satu pun kemudahan mesin ATM dan ini menyukarkan penduduk untuk melakukan sebarang urusan berkaitan transaksi wang dan untuk tujuan itu mereka perlu ke Parit Buntar atau ke pekan Nibong Tebal," jelasnya.

Mendepani masalah

Ulas Zulkifli, masalah utama yang sering membengelu penduduk di kawasan Sungai Acheh yang kebanyakannya terdiri daripada golongan nelayan adalah berlakunya pencerobohan pukat tunda di kawasan perairan.

"Penggunaan pukat tunda ini saya lihat bukan sahaja mengganggu ekosistem perairan malah turut menjelaskan punca rezeki nelayan pesisir pantai.

"Oleh itu, saya berhasrat untuk membawa perkara ini kepada agensi-agensi terlibat termasuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk menghentikan penggunaan pukat tunda ini di kawasan pesisir pantai," tegaskan.

Dalam isu berlainan, Zulkifli berkata, beliau juga amat kecewa apabila ada sesetengah pihak yang tidak dapat menerima hakikat kekalahan pada PRU-14 lalu



ZULKIFLI Ibrahim.

bertindak mengambil harta awam khususnya melibatkan kelengkapan-kelengkapan di dewan orang ramai.

"Tindakan mereka mengeluarkan semua kelengkapan terutama di dewan orang ramai menyebabkan penduduk terpaksa mengadakan mesyuarat dengan bersila di lantai.

"Saya harap mereka yang terlibat dapat memulangkan segera aset-aset orang awam agar perkara ini dapat diselesaikan dengan cara baik tanpa melibatkan pihak polis.

"Dalam keadaan sekarang, saya telah menerima amanah dan tanggungjawab untuk berkhidmat kepada seluruh penduduk tanpa mengambil kira sebarang perbezaan pandangan politik," ujarnya.

Penghargaan buat penduduk TAT yang berani buat perubahan, Mustafa Kamal nekad lakukan yang terbaik

GELOMBANG perubahan yang dibawa rakyat Malaysia pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) lalu membolehkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Telok Air Tawar (TAT) yang merupakan kubu kuat Umno sejak sekian lama berjaya ditawan Pakatan Harapan (PH).

Kerusi itu dimenangi oleh muka baru daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), **MUSTAFA KAMAL** selepas menewaskan tiga lagi pencabar daripada Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Umno dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) dengan kelebihan majoriti sebanyak 2,203 undi.

Pembangunan sosial

Menurut Mustafa, selama 25 tahun di bawah pentadbiran Umno, kawasan TAT dilihat kurang diberi tumpuan terutama dalam aspek pembangunan sosial seperti pejabat pos, bank termasuk mesin ATM, klinik kesihatan dan sebagainya.

"Pengundi Telok Air Tawar (TAT) kini telah melebihi 19,200 orang, namun jika dilihat kepada kemudahan asas, kawasan ini masih lagi ketinggalan dalam banyak perkara kerana tidak diberi perhatian serius oleh pihak terdahulu.

"Justeru, fokus kita adalah untuk membangunkan kemudahan infrastruktur dan melaksanakan pembangunan sosial demi manfaat penduduk di kawasan ini," ujarnya ketika ditemui wakil Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF**.

Oleh itu kata beliau, pihaknya kini sedang merangka pelan untuk membangunkan kawasan TAT sebagai hab pelancongan utama di Seberang Perai dengan penekanan diberikan kepada pembangunan di Taman Robina.

"Untuk tujuan ini, kita akan membina sebuah pusat ekuestrian di kawasan taman ini bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan terutamanya bagi golongan belia.

"Selain itu, kita bersama-sama dengan MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) sedang merancang untuk wujudkan 'night market' di sepanjang kawasan Pantai Robina yang diyakini mampu menarik kehadiran lebih ramai pelancong sama ada penduduk tempatan maupun luar negeri," ujarnya sambil menambah bahawa Pantai Robina kini berjaya menarik kehadiran pelancong lebih 400 orang sehari.

Tambah Mustafa, turut akan dibangunkan di kawasan Pantai



MUSTAFA Kamal.

Robina adalah sebuah pelantar yang menyediakan kemudahan untuk pelbagai aktiviti sukan air selain menjadikan pertandingan memancing sebagai aktiviti tahunan di kawasan berkenaan.

"Oleh itu, kita akan anjurkan sekali lagi pertandingan memancing

selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri memandangkan penganjuran pada bulan Mac lalu mendapat sambutan menggalakkan iaitu seramai 750 pemancing dari seluruh negara termasuk dari Singapura.

"Ini adalah sebahagian daripada usaha kita untuk memperkenalkan Taman Robina kepada masyarakat di seluruh negara, dan saya bersyukur kerana kemudahan-kemudahan yang kita sedang rancangkan ini dan telahpun diluluskan oleh MPSP," jelasnya.

Mengulas lanjut, Mustafa menjelaskan, memandangkan sumber pendapatan utama penduduk di TAT adalah berasaskan pertanian, maka pihaknya kini sedang merangka untuk membangunkan sebuah ladang rakyat dengan membangunkan tanah-tanah terbiar demi manfaat penduduk.

"Secara tidak langsung kawasan ini boleh dijadikan kawasan agro pelancongan yang mana wang akan diperoleh melalui program ini akan dimasukkan sebagai sumber kewangan melalui Yayasan TATAP yang akan ditubuhkan tidak lama lagi.

Kebajikan warga emas

Selain pembangunan fizikal, Mustafa menyatakan bahawa turut akan diberi perhatian secara serius soal kebijakan penduduk terutama melibatkan warga emas.

Bagi tujuan itu ujarnya, sebuah jawatankuasa dibentuk bagi mengendalikan program kebijakan dikenali sebagai Telok Air Tawar Prihatin (TATAP) bertujuan untuk memantau keperluan warga emas di kawasan terbabit.

"Melalui program TATAP, sebarang aktiviti berbentuk komersial yang mana wang akan diperoleh melalui program ini akan dimasukkan sebagai sumber kewangan melalui Yayasan TATAP yang akan ditubuhkan tidak lama lagi.

"Kita juga ada rumah warga emas khusus untuk golongan tua atau mereka yang baru memeluk Islam bagi mendalami agama dan sebagainya.

"Segala usaha yang dirancang adalah sebagai penghargaan buat pengundi di Telok Air Tawar yang berani melakukan perubahan, dan sebab itu kita akan cuba sedaya-upaya melaksanakan yang terbaik seperti mengubah keadaan sosioekonomi, sosial dan sebagainya," katanya.

Komited bangun ekonomi penduduk setempat, beri khidmat terbaik

KEMENANGAN besar dalam Pilihan Raya Umum (PRU) lalu membolehkan Pakatan Harapan (PH) menakluki 37 daripada 40 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), dan pastinya ia jelas menunjukkan sokongan rakyat Pulau Pinang terhadap sedekad kepimpinan Kerajaan Negeri.

Menariknya, ramai muka-muka baharu yang kali pertama bertanding tidak kurang 'bisanya' kerana berjaya mengekalkan kerusi DUN sedia ada.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** sempat menemu bual empat muka baharu PH yang kini bergelar wakil rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), untuk mengetahui misi dan visi mereka dalam membangunkan kawasan masing-masing.

Nama **AZRUL MAHATHIR**



AZRUL Mahathir Aziz.

AZIZ sememangnya tidak perlu lagi diperkenalkan dalam kalangan penduduk di Bayan Lepas berikutan beliau sangat aktif dan sering memberikan perkhidmatan terbaik di sini.

Ketika ditemui, beliau yang lebih mesra disapa dengan nama Azrul, menyatakan hasrat untuk memajukan ekonomi komuniti setempat yang majoritinya adalah orang kampung.

"Saya mengharapkan pelebaran jalan dari pekan Bayan Lepas menghala Balik Pulau yang terputus pemajuannya di Sungai Batu ada baiknya disambung bagi merancakkan ekonomi di samping menjimatkan masa perjalanan."

"Kemudahan awam seperti pasar moden di Teluk Kumbar perlu disiapkan dengan segera,

begitu juga pejabat pos dan bank.

"Begitu juga, sistem pengangkutan yang lebih efisien perlu dilaksanakan segera seperti transit aliran ringan (LRT) bagi menghubungkan Teluk Kumbar ke George Town.

"Semua projek-projek infrastruktur ini sekaligus akan menaikkan taraf hidup dan ekonomi penduduk setempat kerana adanya ketersambungan yang memudahkan hubungan," ulas beliau.

Pernah dilantik sebagai Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Bayan Lepas sejak 2006, cukup memberikannya pengalaman berharga dalam penyampaian khidmat terbaik kepada rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan rendah.



MOHD. TUAH ISMAIL.

Nada sama turut dikongsi oleh rakan seperjuangan PPK yang kini ADUN Pulau Betong, **MOHD. TUAH ISMAIL** yang berjaya menumbangkan *heavyweight* Barisan Nasional (BN) pada PRU lalu.

"Saya menyasarkan peningkatan taraf ekonomi masyarakat di Pulau Betong agar lebih makmur sambil memastikan kesejahteraan penduduk yang mana setiap permasalahan akan cuba diselesaikan secara cepat dan tangkas demi kepentingan penduduk setempat.

"(Dan) pastinya penyampaian perkhidmatan terbaik akan diberikan kepada semua golongan tanpa mengira latar belakang bangsa mahupun partisan," katanya yang mau-

membangunkan kawasan Pulau Betong sebagai salah satu tempat menarik untuk dikunjungi terutama ketika musim durian.



ZOLKIFLY MD. LAZIM.

Buletin Mutiara turut berjaya mendapatkan komen ADUN Teluk Bahang, **ZOLKIFLY MD. LAZIM**, yang juga berhasrat menaik taraf ekonomi penduduk setempat melalui beberapa teras utama.

"Pertama sekali, saya berhasrat menyelesaikan 'masalah' nelayan pantai dan nelayan pukat harimau...untuk itu saya bercadang mewujudkan satu organisasi seakan-akan 'FELDA' laut dengan menawarkan program sangkar ikan kepada pengusaha pukat harimau ke arah mewujudkan sistem penangkapan yang lebih terancang.

"Hal-hal lain yang menjadi teras adalah untuk meningkatkan kemudahan asas bagi penduduk Teluk Bahang termasuk cuba menyelesaikan masalah lapuk zaman BN iaitu banjir kilat secara menyeluruh serta bersepadan.

"Saya juga akan mengadakan perjumpaan dengan Menteri Kesihatan untuk membincangkan cadangan menempatkan doktor-doktor pakar di Hospital Balik Pulau yang mana saya percaya ia adalah amat diperlukan oleh penduduk di sini," ujarnya yang teruja melaksanakan tanggungjawab yang diberikan oleh pengundi kepadanya.

Demi membawa suara perubahan Balik Pulau ke peringkat Persekutuan, pengundi-pengundi di Parlimen Balik Pulau (P53) nekad memilih **MUHAMMAD BAKHTIAR**



MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik.

WAN CHIK sebagai wakil rakyat di sini.

Menang dengan majoriti 6,464, Muhammad Bakhtiar telah mengejutkan mantan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahya yang merupakan ahli parlimen di kawasan berkenaan penggal lalu.

"Saya meletakkan misi menjadikan Balik Pulau sebagai hab pendidikan, kawasan eko pelancongan... dengan menaik taraf dan membina fasiliti awam seperti hospital, institusi awam, perpustakaan digital, bangunan kerajaan selain memastikan sekolah-sekolah dan institusi pendidikan di Balik Pulau berada dalam keadaan baik dan kondusif untuk para pelajar.

"Saya juga target untuk memelihara kampung-kampung tradisi yang ada di sini dan mengadakan banyak lagi ruang awam (*public spaces*) termasuk bekerjasama dengan UN-Habitat untuk *urban renewal project* atau projek pembaharuan bandar.

"Peluang pekerjaan baik dari berskala kecil dan besar...ini juga menjadi hasrat saya selaku ahli parlimen....dan produk durian Balik Pulau tidak akan dilupakan... pemilik dusun akan diberi peluang mempelajari teknik serta bimbingan yang betul dalam menguruskan tanaman serta pemasaran raja buah tersebut," kata anak jati Pulau Pinang itu.

Sebagai bekas Ahli Majlis MBPP, Muhammad Bakhtiar meletakkan sasaran menjadikan Balik Pulau antara kawasan yang bersih dalam negara.



SYERLEENA Abdul Rashid.

Bagi **SYERLEENA ABDUL RASHID** yang diangkat menjadi wakil rakyat bagi kawasan DUN Seri Delima, mengakui tanggungjawab berat digalas sejurus mengambil alih daripada bekas ADUN, R.S.N. Rayer yang diketahui umum adalah sangat mesra rakyat.

Bekas Ahli Majlis bagi MBPP itu turut menyahut cabaran tersebut dengan positif serta berikrar untuk bekerja dengan keras di samping memberikan yang terbaik kepada rakyat di Seri Delima.

"Sejak dari *walkabout* sebelum PRU lagi, saya dan pasukan Seri Delima sudah bekerja keras dengan mengenal pasti permasalahan di sini dan bertindak menyelesaikannya sedaya upaya.

"Sebagai permulaan, sekarang ini, saya tengah bergerak ke arah projek komuniti yang dinamakan *My Seri Delima*. Di sini kawasan taman perumahan memang banyak, jadi saya akan kenal pasti semua taman perumahan di sini diselenggara dengan baik dengan kemudahan yang ada.

"Begini juga taman komuniti di kawasan ini, saya dapat kebanyakannya gelap, apabila gelap saya risau tentang isu sosial dan keselamatan, jadi saya bercadang untuk menambah pemasangan lampu solar dan kamera litar tertutup (CCTV) selari dengan polisi hijau," jelasnya yang turut mahu memperkasakan aktiviti seni dengan menggunakan sepenuhnya fungsi Pusat Pembelajaran Karpal Singh dekat sini.

Acara Hari Ibu ‘Papa Makes, Mama Plates, I Shake’ di Auto City, Juru

PADA pagi hari Ahad 13 Mei 2018 yang cerah, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah menganjurkan acara Hari Ibu ‘Papa Makes, Mama Plates, I Shake’ di AutoCity, Juru. Acara ini adalah tahun ke-2 berturut-turut dianjurkan oleh PWDC untuk menyerlahkan mesej tentang tanggungjawab bersama dan bagaimana ‘Tanggungjawab Berkongsi = Keluarga Sihat + Sejahtera = Masyarakat yang Berkesaksamaan Gender’.

Dalam ucapan pembukaan, Dr Florance Sinniah, Pengarah PWDC, menegaskan bahawa ‘Papa Makes, Mama Plates, I Shake’ adalah program berorientasikan keluarga untuk membawa keluarga bersama pada Hari Ibu. PWDC berharap untuk mempromosikan budaya tanggungjawab bersama di rumah menerusi acara yang menyeronokkan ini, di mana seluruh keluarga menyelesaikan tugas mudah bersama-sama sebagai satu pasukan. Pada akhir acara, setiap keluarga akan belajar sesuatu yang penting, iaitu tanggungjawab bersama adalah sesuatu yang boleh ditanam melalui melakukan kerja bersama-sama seperti membersih pinggan

manguk, seterika pakaian, mengambil sampah, dan sebagainya

Turut hadir pada majlis tersebut ialah En Ahmad Munawir, Pengarah PWDC dan Cik Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC. Sambutan untuk program ini menggalakkan dan meriah kerana ramai peserta dari kepelbagai etnik turut serta dalam acara komuniti ini. Adalah penting bagi semua rakyat Malaysia untuk bersatu kerana perpaduan dan kebahagiaan bermula di rumah, dan seterusnya menyebar ke komuniti, serta diharapkan bersebar ke seluruh Pulau Pinang dan Malaysia.

Terdapat sejumlah 33 kumpulan peserta yang terdiri daripada ibu, ayah dan seorang atau dua orang anak. Setiap keluarga yang mengambil bahagian dalam acara itu bukan sahaja menghabiskan masa yang berkualiti bersama-sama tetapi juga bepeluang memenangi hamper dan baucar tunai. Setiap keluarga yang mengambil bahagian juga membawa pulang meja rendah DIY, tikar lantai dan beg yang mengandungi gelas, coklat dan gula-gula.



YDP MPSP merakamkan gambar kenangan bersama-sama para peserta yang hadir pada bengkel berkaitan baru-baru ini.

Bengkel e-dagang : Menjadi usahawan yang berjaya

PERBADANAN Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah menganjurkan Bengkel E-Dagang bertajuk ‘Bagaimana Menjadi Usahawan yang Berjaya’ di PSDC, Bayan Lepas pada 28 April 2018. Bengkel ini adalah sebahagian daripada siri bengkel yang dianjurkan oleh Program Pemberdayaan Ekonomi Wanita (WEE) untuk membolehkan wanita dan lelaki mempelajari kemahiran baharu dan menghubungkan mereka dengan peluang pendapatan dalam platform digital. Bengkel telah menerima sambutan yang luar biasa daripada para peserta dari pelbagai komuniti, termasuk golongan muda, pekerja dewasa dan suri rumah tangga.

“Ini merupakan sebahagian daripada usaha PWDC untuk merealisasikan visi kami untuk Pulau Pinang yang menegakkan amalan dan prinsip kesaksamaan substantif dalam kalangan wanita dan lelaki, tadbir urus yang baik dan keadilan sosial serta membolehkan lebih banyak wanita terlibat dalam kegiatan ekonomi,” kata YB. Chong Eng, Pengerusi Lembaga Pengarah PWDC, dalam ucapan pembukaannya yang dibacakan oleh Dr Florance Sinniah, ahli Lembaga Pengarah, PWDC.

Para peserta bengkel mula mendaftarkan diri seawal jam 8.00 pagi dan sarapan pagi disajikan sementara menunggu bengkel bermula. Sesi pagi bermula pada pukul 9.15 pagi di mana Puan Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, mengupas dalam satu forum bertajuk ‘Sex & Gender - Apakah Perbezaan?’. Bengkel disertai oleh 38 peserta daripada pelbagai latar belakang. Dari sesi interaktif tersebut, para peserta forum dapat memahami perbezaan antara jantina seseorang seperti yang ditentukan oleh fungsi tubuh biologinya sementara gender adalah penentuan sosial untuk peranan wanita dan lelaki. Peranan wanita dan lelaki boleh ditukar ganti bergantung pada masa dan konteks.

Sesi pagi diteruskan dengan pembentangan oleh hos laman web e-dagang, Sesi petang dijalankan oleh Red Box Studio, sebuah syarikat web dan hosting yang berpejabat di Pulau Pinang.



ANTARA program taklimat yang dianjurkan pada pengajian baru-baru ini.



PARA peserta yang mengambil bahagian.

Dalam sesi ini, peserta terlibat dalam permainan keusahawanan ‘Big Timer’, menggunakan kad kiu berwarna, di mana para peserta bersaing antara satu sama lain di pasaran. Peserta bersaing seperti mana dalam pasaran, di mana terdapatkekangan masa dan sumber dan peserta juga dikehendaki mengambil tindakan untuk mencari pelanggan.

Bengkel ini berakhir dengan ucapan penutup oleh Puan Ong Bee Leng. Ucapan terima kasih kepada semua peserta yang meluangkan masa untuk menghadiri bengkel e-dagang dan mengambil bahagian dalam permainan keusahawanan ‘Big Timer’ di mana para peserta mempelajari strategi perniagaan melalui permainan.

Tahniah kepada YB Chong Eng



CHONG Eng menerima watikah daripada Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang

LEMBAGA Pengarah dan kakitangan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) ingin mengucapkan tahniah kepada YB Chong Eng atas pelantikan beliau sebagai EXCO Negeri Pulau Pinang bagi Pembangunan Wanita dan Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam pada 18 Mei 2018. PWDC berikrar untuk terus menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka, dengan kemampuan terbaik, di bawah bimbingan dan kepimpinan YB Chong Eng yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah PWDC.

Sejak beroperasi pada tahun 2012, PWDC telah mencapai pertumbuhan yang luar biasa dan diiktiraf secara meluas untuk kerja advokasinya terhadap pemberdayaan wanita dan kesaksamaan gender. Diucapkan selamat maju jaya kepada beliau dan berharap hubungan kerja yang erat akan berterusan untuk semua program dan usaha pada masa hadapan.

Pasar warisan berusia lebih 100 tahun di Lebuh Campbell bakal berwajah moden

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN – Pasar Lebuh Campbell berusia lebih 100 tahun bakal berwajah moden dengan elemen reka bentuk yang memenuhi kriteria Indeks Bangunan Hijau (GBI).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf pasar basah itu dijangka bermula dalam tahun ini dan akan mengambil masa selama dua tahun setengah.

“Hal ini kerana, pasar basah ini masih lagi beroperasi walaupun ketika kerja-kerja menaik taraf dijalankan nanti.

“Saya berharap projek yang menelan kos RM8 juta ini akan dimulakan pada suku ketiga tahun ini, kalau tidak, mungkin penghujung tahun ini,” katanya ketika mengadakan lawatan kerja ke pasar berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali dan arkitek perunding, Zalena Abdul Aziz.

Menurut Kon Yeow, perbincangan untuk pembangunan semula pasar tersebut



KETUA MENTERI bersama-sama Ir. Addnan Mohd. Razali (kanan) menunjukkan ilustrasi artis bagi Pasar Lebuh Campbell yang bakal dibangunkan semula di sini.

bersama-sama pihak berkepentingan termasuk para peniaga telah dimulakan sejak tahun 2015.

Malah, ulasnya, pelan reka bentuk akhir oleh arkitek perunding dan Pelan Pengurusan Warisan (HMP) turut dibentangkan pada

20 Disember 2016 sebagai rujukan pihak berwajib.

“Sekarang telah memasuki tahun ketiga dan para peniaga di pasar ini masih menunggu untuk kerja-kerja menaik taraf dilaksanakan.

“Kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) faham bahawa lokasi bangunan pasar basah ini terletak di tengah-tengah Bandar Warisan Dunia UNESCO George Town, dan bangunan tersebut juga adalah bangunan warisan kelas dua.

“Jadi, arkitek perunding mempunyai banyak masa untuk mengaji semua isu berkaitan warisan dan kita boleh memulakan proses panggilan tender,” jelasnya.

Tambah Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang juga diberi masa sebulan lagi bagi membuat penilaian akhir sebelum proses panggilan tender dibuat.

“Datuk Bandar sendiri berasaskan masih ada ruang untuk diperbaiki dan masih ada ruang untuk menyelesaikan semua isu berbangkit.

“(Dan) saya rasa, beliau (Datuk Bandar) mahu memberi perhatian terhadap nilai tambah seperti memenuhi kriteria GBI dan mudah akses untuk semua lapisan masyarakat,” ujarnya.

Sebagai makluman, Pasar Lebuh Campbell mempunyai reka bentuk Victorian atau *Victorian Style* dan ia terletak di antara Lebuh Carnavon dan Lebuh Campbell.

BANDAR CASSIA, BATU KAWAN
E-KOMUNITI

CCC
diperlukan

HARGA JUALAN
RM 168,000-
RM 220,000

KELUASAN RUMAH :
900 - 1000 kaki persegi

dua
RESIDENSI
TELUK KUMBAR

04 - 613 9999
04 - 505 0001

KINI ANDA MAMPU
www.pmm.gov.my

HARGA JUALAN
RM 250,000-
300,000

KELUASAN RUMAH :
850 - 1000 kaki persegi

JIRAN
RESIDENSI
KAMPUNG JAWA
BUTTERWORTH

HARGA JUALAN
RM 200,000-
250,000

KELUASAN RUMAH :
850 - 1000 kaki persegi

Kini dibuka kepada orang ramai.*

* Terakrif kepada syarat-syarat.

Dua Residensi - Perlesen Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | No. lesen perusa perumahan: 8924-5-10-2016/OBO/3/J Tempoh Satu: 18/10/2016 - 17/10/2018 | No. Permit Hiani & Jualan: 8924-5-10-2016/OBO/3/EP | Tempoh Satu: 18/10/2016 - 17/10/2018 | Nama Pihak Berkesamaan yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang | Nombor Ruksak Pelan Bangunan: MPPV10-DLC/PB/G16/3/1/30.8 | Persekitaran Negeri: 90 Tahun (Taklim Tamat Pajakam: 10/12/2113) | Tarikh Dianggap Siap: Disember 2018 | Bahanan: Tidak 1 | Jumlah Unit: 816 unit | Harga Jualan: RM822,500 (RM8) - RM330,000 (RM8)

Jiran Residensi - Perlesen Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | No. lesen perusa perumahan: 8924-6-11-2016/OBO/4/J | Tempoh Satu: 18/11/2017 - 17/11/2019 | No. Permit Hiani & Jualan: 8924-6-11-2016/OBO/4/EP | Tempoh Satu: 18/11/2017 - 17/11/2019 | Nama Pihak Berkesamaan yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Butterworth | Nombor Ruksak Pelan Bangunan: MPPV10-HLC/PB/G16/3/1/30.8 | Persekitaran Negeri: 99 Tahun (Taklim Tamat Pajakam: 23/11/2113) | Tarikh Dianggap Siap: Mac 2018 | Bahanan: Tiada

Sekiranya Keperluan Tempahan ini tidak boleh dijawab melainkan dalam tempoh yang singkat, maka pihak perusahaan akan mencari alternatif solusi dan bertemu dengan ahli perniagaan yang berterima kasih atas kerjasama dan sokongan yang diberikan. Selain itu, pihak perusahaan akan berusaha mencari alternatif solusi dan bertemu dengan ahli perniagaan yang berterima kasih atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Siaran untuk kegunaan Surat Perintaran dan Berita Sajah untuk menyampaikan maklumat dan perintaran yang belum diluncurkan oleh pihak berkuasa dari waktu sebelum atau selepas dengan tarikh ini.



SUASANA
@ UTROPOLIS, BATU KAWAN, PENANG

Raya Meriah, Suasana Ceria.

UNDANGAN RUMAH TERBUKA

17 Jun 2018 (Ahad) • 11 pagi

Galeri Jualan Paramount Utropolis
Lot G-25 & 26, Design Village Outlet Mall

Program-Program Menarik *

- ♦ Juadah Raya
- ♦ Sesi foto dengan cetakan percuma*
- ♦ Aktiviti-aktiviti tradisional Melayu



Unit contoh
sedia dikunjungi

* Sementara stok masih ada

** Tertakluk kepada terma dan syarat

Pakej istimewa sempena Raya**

Kediaman moden dengan
kemudahan rekreasi
yang komprehensif



Ruang yang luas dan
selesa dari 926 kps
hingga 1,313 kps



PARAMOUNT PROPERTY (PW) SDN BHD (1057143-D)
55 Jalan Icon City, Icon City,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia
fb.com/paramountpropertymalaysia

04-506 0350 / 012-501 0733
paramountproperty.my

PARAMOUNT
UTROPOLIS
BATU KAWAN, PENANG

PARAMOUNT
PROPERTY

Hakmilik Tanah: Pegangan Bebas • No. Lesen Pemaju: 14638-2/01-2020/61 (L) • Tempoh Sah: 17/01/2018 – 16/01/2020 • Permit Iklan dan Jualan: 14638-2/01-2020/61 (P) • Tempoh Sah: 17/01/2018 – 16/01/2020 • Pihak Berkusa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Seberang Perai • No. Rujukan: MPSP/40/20-73/51 • Bebanan Tanah: Dikenakan Kepada CIMB Islamic Bank Berhad • Sekatan Ke Atas Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipertanggungkan, disewakan, sub-sewakan atau dilaksanakan sebarang urusan tanpa mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Pihak Berkusa Negeri. • Jenis Hartanah: Pangrupuri Servis • Tarikh Dijangka Siap: Dec 2021 • Jumlah Unit: 491 • Jenis A, Jumlah Unit: 192 Luas Binaan: 926 Kaki Persegi, Harga Min.: RM575,000, Harga Mak.: RM642,275 • Jenis B, Jumlah Unit: 148 Luas Binaan: 1,076 Kaki Persegi, Harga Min.: RM667,460, Harga Mak.: RM856,635 • Jenis C, Jumlah Unit: 148 Luas Binaan: 1,313 Kaki Persegi, Harga Min.: RM785,220, Harga Mak.: RM964,160 • Jenis D, Jumlah Unit: 3 Luas Binaan: 926 Kaki Persegi, Harga Min.: RM742,555, Harga Mak.: RM769,235 • Diskaun Untuk Bumiputera: 5%

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Janji Manisfesto: Pulau Pinang bakal pinda Perlembagaan Negeri, hadkan tempoh jawatan KM dua penggal

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengadakan suatu usul bagi pindaan Perlembagaan Negeri untuk mengehadkan tempoh jawatan Ketua Menteri kepada dua penggal sebagaimana digariskan sebagai janji pertama di dalam Manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) Pakatan Harapan (68 Janji).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika mengumumkan perkara tersebut berkata, usul tersebut akan dilaksanakan tahun ini dan ia merupakan janji pertama dalam Manifesto PRU14 Pakatan Harapan (68 Janji).

"(Dalam 68 Janji), janji pertama yang kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) hendak laksanakan segera dalam tahun ini adalah (tempoh) jawatan Ketua Menteri

dihadkan kepada dua penggal sahaja sekiranya kita dapat majoriti 2/3.

"(Dan) dengan keputusan pada 9 Mei lalu, kita sememangnya dapat 2/3 majoriti dan ia memberikan kuasa kepada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan bagi membuat pindaan terhadap Perlembagaan Negeri untuk diwartakan.

"Saya juga telah meminta Penasihat Undang-undang Negeri untuk mengkaji serta meneliti sekiranya ia dapat dilaksanakan dan klaus atau perkara ini perlu dimasukkan dalam Perlembagaan Negeri untuk dijadikan undang-undang," ujarnya pada sidang media di sini 23 Mei lalu.

Menurut Kon Yeow yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, segala butiran berhubung perkara itu akan diteliti dan dibincangkan oleh Exco setelah Penasihat Undang-undang Negeri siap mengajunya kelak.

"Saya juga meminta Exco-exco berkaitan untuk melihat 68



CHOW Kon Yeow (duduk, kiri) dan barisan Exco Kerajaan Negeri menujukkan salinan Manifesto PRU14 pada sidang media di sini baru-baru ini.

Janji Pakatan Harapan yang akan diagihkan kepada Ahli-ahli Exco nanti mengikut portfolio masing-masing sebagai pelaksanaan dan tindakan.

"Exco-Exco juga akan teliti dan akan cadangkan mekanisme pelaksanaannya pada mesyuarat

(Exco) akan datang di bawah portfolio masing-masing.

"(Dan) kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) menganggap 68 Janji ini sebagai komitmen kerajaan Pakatan Harapan kepada pengundi di Pulau Pinang, dan akan melaksanakannya dalam

tempoh lima tahun ini.

"Mungkin ada janji yang cepat dan ada janji yang memerlukan jangka masa panjang, tertakluk kepada bentuk janji itu," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow turut menzahirkan penghargaan kepada Exco-Exco Kerajaan Negeri terutama wajah baru yang dilantik kerana dapat merasai pengalaman menghadiri Mesyuarat Exco.

"Walaupun kita (Kerajaan Negeri) telah mengagihkan portfolio kepada semua Exco berwajib, kita masih lagi terbuka untuk melihat portfolio (di peringkat) Kerajaan Persekutuan memandangkan Jemaah Menteri masih tidak lengkap.

"Sekiranya lengkap (Jemaah Menteri) kelak, Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) akan meneliti semula untuk memperkemaskan lagi portfolio (berkaitan) antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan supaya dapat memudahkan perhubungan dan urusan kelak," katanya yang juga Ahli Parliment Tanjong.



RUMAH TERES 3-TINGKAT
TANAH: 20' x 70' / 83' KE ATAS • BINAAN: 2960KPS (ANGGARAN)

- 5 bilik tidur (2 bilik tidur utama + 3 bilik tidur) dengan bilik mandi bersambung
- Anjung kereta tertutup untuk 2 - 4 kereta
- Teres bumbung yang luas
- Punca and paip penyaman udara, pendawaian dan punca sistem penggera dan punca pagar automatik disediakan
- Dijangka siap pada pertengahan tahun 2018



Pegangan bebas • 7 unit eksklusif

PELAN LOKASI



Rena Park terletak di Balik Pulau, berhampiran dengan sekolah tempatan dan Sekolah Antarabangsa Prince of Wales Island, pusat membeli-belah, klinik dan bank. Dalam jarak memandu yang singkat ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Zon Perdagangan Bebas Pulau Pinang, Jambatan Pulau Pinang Kedua dan Georgetown.

RUMAH CONTOH SEDIA DIKUNJUNGI DENGAN TEMU JANJI



RUANG TAMU



BILIK TIDUR

PEMAJU PROJEK:

ABSM

ABSM Land Sdn. Bhd. (849615-W)

18-14-B, Gurney Tower, No. 18, Persiaran Gurney,
10250 Penang. T 04-228 3341 F 04-229 3341
E absmland@yahoo.com

LINTUK PERTANYAAN:

04-228 3341

No. lesen permu: 11808-3/01-2018/27(L) • Tempoh sah: 13/01/2018 - 12/01/2018 • No. permit iklan & jualan: 11808-3/01-2018/27(P) • Tempoh sah: 13/01/2018 - 12/01/2018 • Pihak berkessa yang mewujudkan: MPPP • No. pelan bangunan: MPPP/OSC/PB(6967)/14(LB) • Nama Projek: Rena Park • Bilangan unit: 7 unit • Tarikh dijangka siap: Jun 2018 • Harga Jualan: RM800,000(minima) - RM1,050,000(maksima) • Belon (Gadaian) Tanah: Tiada

DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA

KM umum wujudkan mekanisme pemantauan prestasi Exco, ADUN dan Ahli Majlis PBT

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mewujudkan satu mekanisme pemantauan prestasi bagi menilai prestasi setiap Exco Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau wakil rakyat dan juga Ahli Majlis di setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini.

Menurut Kon Yeow, mekanisme tersebut akan menggunakan sistem petunjuk prestasi utama atau KPI bagi mengenal pasti sebarang

isu yang timbul.

"Mekanisme ini akan diwujudkan bagi mengenal pasti apa-apa isu yang perlu dihadapi (diberikan perhatian) oleh Kerajaan Negeri berdasarkan laporan KPI setiap Exco, setiap wakil rakyat dan setiap Ahli Majlis," katanya pada sidang media di sini 23 Mei lalu.

Difahamkan, mekanisme tersebut dibincangkan dalam Mesyuarat Exco di Komtar yang berlangsung buat julung kalinya setelah mengangkat sumpah pada 16 Mei lalu.



PROJEK PEJABAT HIJAU PULAU PINANG

KRITERIA PEJABAT HIJAU PULAU PINANG

Pembelian Kelengkapan Pejabat & Alat Tulis -Prinsip Hijau	Kawalan Penggunaan Kertas
Pengurangan Bahan Buangan & Kitar Semula	Kawalan Alatan Pencetak
Konservasi Tenaga	Penambahbaikan Kualiti Udara
Konservasi Air	Penglibatan Pekerja & Komuniti

Penang Green Office 2018 - 2020

RM 670 (Fi Admin+Fi Audit)
30 slot percuma bagi pejabat kerajaan perselutaran di Pulau Pinang
Tertakluk kepada temma dan ijarat

DAFTAR SEKARANG!

IMBAS

www.pgc.com.my /pgc 04 250 3322 info@pgc.com.my

INSENTIF Cabaran SISA MAKANAN

Adakah anda menguruskan sisa makanan anda?

ya → **Bagaimana anda menguruskannya?**

- Mempunyai sistem pengurusan sisa makanan sendiri, atau
- menghantar kepada pihak ketiga untuk diproses

tidak → **Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung**

PERMOHONAN INSENTIF

- Menerima RM 1000 untuk setiap penyertaan
- Terhad kepada 10 pendaftar berkelayakan sahaja

TEMPOH PERMOHONAN: 1 APRIL - 30 OKTOBER 2018

*Terbatas kepada temma dan sistem

IMBAS KOD INI

04 250 3322 016 517 7382 info@pgc.com.my

* Projek Perintis Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Sekolah Hijau Pulau Pinang dikecualikan.

Pemaju



Nova Mulia Development Sdn Bhd (679065-U)

1-02-02, Jalan Ahmad Nor, Pusat Perdagangan Nova,
11600 Penang, Malaysia

t: +604 282 0577 / 282 7577

f: +604 283 6377

www.novamulia.com

- No. lesen Pemaju Perusahaan : 12428-1/04-2018/448 • Tempoh Sah : 10/04/2013 – 09/04/2018
- No. Permit Bina & Juwan : 13428-1/09-2018/02390(P) • Tempoh Sah : 21/09/2017 – 23/09/2018
- Jumlah Unit : 376 • Jenis : Jenis A, Jenis B, Jenis C, Jenis D • Harga Juwan : (Min) RM199,000 (Max) RM1,639,800 • Pegangan Tanah Pegangan Befair • Tarikh Djangka Sajip : Jun 2018
- Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Bandaraya Pulau Pinang
- No. Rujukan Pelan Bangunan : MBPPHOGC/P9271/IT



Tak kisah dikenali sebagai ‘YB Motosikal’, nekad ringan beban tugasan Ketua Menteri

SAYA tak kisah dikenali sebagai ‘YB Motosikal’, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng yang baru-baru ini dilantik sebagai Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

“Saya bukan daripada keluarga senang, sederhana sahaja, bergerak dengan motosikal adalah lebih cepat sampai ke tempat yang dituju, sebab itu sampai sekarang saya lebih selesa bermotosikal,” kata beliau kepada wartawan akbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ALISSALA THIAN** di Komtar baru-baru ini.

Berasal dari Bukit Kecil, Bukit Mertajam, Lai Heng yang berusia 38 tahun kini sudah berkeluarga dan ada sepasang anak iaitu lelaki berusia 9 tahun manakala perempuan, 6.

Selepas tamat belajar di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Jit Sin Bukit Mertajam, beliau melanjutkan pengajian peringkat diploma perakaunan di Kolej Tunku Abdul Rahman, lalu bekerja dalam sektor swasta.

“Selepas tamat pengajian di kolej, saya sendiri belum kenal YB Chow, tetapi saya seorang diri datang ke ibu pejabat parti mengambil borang pada tahun 2001.

“Waktu itu, saya kenal YB Chong Eng pun kerana beliau wakil rakyat pada masa itu.

“Sebenarnya, mendiang Karpal Singh yang begitu menarik minat saya dan saya serta DAP sebab Karpal,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Lai Heng menyatakan bahawa selepas waktu kerja, pada lewat petang, beliau akan terus ke pejabat DAP untuk memberi khidmat tenaga.

“Daripada situalah saya diasuh dan mendengar perbincangan-perbincangan politik yang disampai pemimpin negeri termasuk YB Chow (Kon Yeow) dulu.



TEH Lai Heng.



MENERIMA watikah pelantikan daripada Ketua Menteri sambil diperhatikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Farizan Darus.

“Saya yang baru berusia 23 tahun, diberi kepercayaan oleh parti untuk bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri Komtar (dalam Pilihan Raya Umum Ke-11) pada tahun 2004.

“Selepas kalah, saya ditanya, ‘adakah putus asa?’, dan saya kata, ‘saya akan terus memberi khidmat bersama-sama DAP, demi rakyat.

“Masa itu, masih ingat kita buka meja khidmat tapi tak banyak lah aduan yang diterima, kebanyakannya mengenai ‘IC Merah’ atau soal permohonan bantuan kepada JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) sahaja.

“Waktu itu juga lah, saya melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda, secara pengajian jarak jauh di Universiti Sains Malaysia, dalam bidang pengurusan kewangan dan ekonomi,” jelasnya.

Selepas itu, Lai Heng dilantik sebagai pegawai khas tanpa gaji dan bukan sepenuh masa, kepada Ahli Parlimen Tanjong iaitu Kon Yeow.

Sebelum bergelar Yang Berhormat, beliau juga pernah diberi peluang menjadi Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Sejak itu, Lai Heng dilihat antara pemimpin muda DAP negeri yang secara langsung menerima ‘asuhan politik’ daripada Kon Yeow.

“Saya mula bekerja dengan YB Chow (Kon Yeow) sejak 2004, segala corak pentadbiran dan perangainya, saya boleh faham.

“YB Chow (Kon Yeow) ini kalau beliau berjanji, akan ditepati, seorang yang bertanggungjawab, apabila ada beberapa orang muda termasuk saya diambil bekerja bersamanya, beliau bertanggungjawab mengasuh kami dalam hal ehwal organisasi.

“Beliau memikul tanggungjawab yang berat, sebagai pengurus DAP negeri, tidak ‘kedekut’, erti sedia berkongsi pengalaman, seseorang yang memang ingin memberi peluang kepada orang muda.

“Saya masih ingat dalam akhbar berbahasa Cina,

pada (PRU11) 2004, ada gambar YB Chow (Kon Yeow) membawa orang muda untuk bertanding pilihan raya, macam seorang ayah membawa anak-anak.

“Satu lagi, YB Chow (Kon Yeow) adalah seorang yang sangat tepati masa, kalau program parti atau kerajaan yang dihadiri oleh YB Chow (Kon Yeow), memang saya akan hadir setengah jam lebih awal kerana beliau memang sampai awal,” jelasnya ketika diminta mengulas mengenai gaya pentadbiran Ketua Menteri kini.

Pasca PRU14 pada 9 Mei lalu, menyaksikan Pakatan Harapan bukan sahaja berjaya mempertahankan mandat Kerajaan Negeri, bahkan berjaya mengambil alih Kerajaan Persekutuan.

Mengulas lanjut, Lai Heng memberitahu, cabaran sebagai Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri masih ada, tapi tidaklah seperti dahulu ketika Barisan Nasional masih ‘menguasai’ Putrajaya.

“Saya ingat kurang mencabar berbanding kerajaan terdahulu, yang mana peringkat Persekutuan dan Negeri adalah tidak sama, maka sekarang ini semoga semua perkara boleh dibincangkan bersama-sama di meja bulat.

“Saya akan cuba sedaya-upaya, apa yang ditugaskan oleh Ketua Menteri, saya akan lakukan dengan bagus, asalkan boleh meringankan beban tugasbeliau,” katanya.

Selepas bergelar Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, waktu ditanya sekali lagi, adakah masih mahu bergelar ‘YB Motosikal’?

Dalam nada sederhana, Lai Heng memberitahu, “Tengok keadaan, kalau kesesakan, motosikal lah adalah pilihan terbaik, SetPol (Setiausaha Politik) tak ubah gaya hidup saya, walaupun mungkin selepas ini lebih banyak lagi beban tugas.” jelasnya yang juga bertekad memperbaiki penguasaan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris beliau.



HILIR 37

SG. BURUNG, BALIK PULAU, PENANG

37 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat

Harga:

Min RM1,000,000

Max RM2,188,000

Saiz Bina Luas Lot dari

2,294 sf - 3,444 sf

HAKMILIK KEKAL 5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA

artis3
Kondominium

BLOK B

Saiz Bina 1100kp-1900kp

Harga Min : RM500,000.00

Harga Max : RM1,240,000.00

Jumlah Unit : 201

BLOK C

Saiz Bina 500kp-700kp

Harga Min : RM200,000.00

Harga Max : RM602,000.00

Jumlah Unit : 141

BLOK D

Saiz Bina 1200kp-1250kp

Harga Min : RM743,000.00

Harga Max : RM902,000.00

Jumlah Unit : 31



AIRMAS GROUP


1800 188 333 | 011 1722 5711 | www.airmas.com

33, Jalan Jelawat, Seberang Jaya, 13700 Prai, Penang E.sales@airmas.com F.04 380 6001

Artis3- Dutamas Permai Sdn.Bhd (848533-K)
No. lesen pemajuan perumahan: 14300-1/04-2019/01745(L)
No. Permit Iklan dan Jualan: 14300-1/04-2019/01745(P)
Sah untuk 1 tahun dari 11/04/2018 hingga 10/04/2019
Pihak yang meluluskan pelan bangunan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)
No rujukan pelan: MPPP/OSC/PB(735B)14
Bebanan Tanah: OCBC Bank (Malaysia) Berhad.

Hilir37-Enrich Century Sdn Bhd (894564-P)
No. lesen pemajuan perumahan: 13447-1/06-2018/01582(L)
No. Permit Iklan dan Jualan: 13447-1/06-2018/01582(P)
Sah untuk 1 tahun dari 07/06/2017 hingga 06/06/2018
Pihak yang meluluskan pelan bangunan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)
No rujukan pelan: MPPP/OSC/PB(5935)13(LB)
Bebanan Tanah: AMBANK (Malaysia) Berhad.

Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:
Bahagian Perumahan,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Paras 20, KOMTAR, 10500 Pulau Pinang
Tel: 04-6505242/6505244 Fax: 04-2622904



HARGA | RM488,000.00 (minima)
JUALAN | RM700,000.00 (maksima)

5%

DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA | HAKMILIK KEKAL

PELAN LOKASI



GPS Coordinates : 5.322725, 100.470977

KIJANG RESIDENCE

Ima, Bukit Mertajam

RAUMAH TERES 2 TINGKAT

Jumlah Unit : 24

Luas Binaan : 20' x 43'

Luas Tanah : 1316 kps (min) 2600 kps (mak)



ZUWEN BINA SDN BHD

No. 86, 2nd Floor, Lorong Kota Permai 11

Taman Kota Permai, 14000 Bukit Mertajam

Tel: 04-5383388

Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi :-

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Paras 20, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Tel : 04 - 6505242 • 04 - 6505244 Fax : 04 - 2622904

No. lesen pemaju: 10787-5/01-2019/01172(L) Tempoh Sah: 19/01/2018 - 18/01/2019
No. Permit Iklan dan Jualan: 10787-5/01-2019/01172(P) Tempoh Sah: 19/01/2018 - 18/01/2019
Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Bebanan Tanah: Bebas dari sebarang gadaian
Tarikh Dijangka Siap: Ogos 2018
Bilangan Unit: 24 unit Rumah Teras 2 Tingkat
Harga Jualan: RM 488,000.00 (min) - RM 700,000.00 (mak)
Sekatan Keperinginan: Tiada
Pihak Berkusa Yang Meluluskan Pelan: MPSP
No Kelulusan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-44/117

Penambahbaikan sektor dan infrastruktur kesihatan, Exco cadang kunjungi KKM



DR. Afif Bahardin (berkemeja putih) bersama-sama ahli jawatankuasa penaja mengagihkan bubur lambuk kepada umum di perkarangan Masjid Kapitan Keling di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN - Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin bercadang mengadakan lawatan ke Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam masa terdekat bagi membincangkan fokus-fokus penambahbaikan berkaitan mutu perkhidmatan kesihatan di Pulau Pinang.

Katanya, fokus tersebut penting dalam meningkatkan mutu penyampaian sektor kerajaan dalam bidang tersebut.

"Soal kesihatan di Pulau Pinang ada melibatkan beberapa perkara seperti infrastruktur, Hospital Pulau Pinang (HPP) dan kesesakan hospital-hospital lain...sebelum ini pun pernah dibincangkan seperti memindahkan bahagian pesakit luar keluar dari HPP ke tempat lain."

"Kita nak kurangkan kesesakan di hospital... pada masa sama, kita (Kerajaan Negeri) nak Kerajaan Persekutuan pantau projek-projek lama seperti Hospital Ibu dan Anak Pulau Pinang yang sekian lama belum dimulakan lagi," ujarnya selepas mengagihkan bubur lambuk di perkarangan Masjid Kapitan Keling di sini 22 Mei lalu.

Pada majlis tersebut, Afif bersama-sama pihak pengangur mengedarkan kira-kira 800 bungkusn bubur lambuk kepada orang ramai seawal jam 5 petang.

Mengulas lanjut, beliau juga akan mengunjungi Menteri Kesihatan, Dr. Dzulkefly Ahmad untuk membincangkan tentang bajet yang pernah diperuntukkan bagi projek-projek berkenaan.

Malah, Afif turut menyentuh berkenaan isu mengkaji semula kewujudan Klinik 1Malaysia di kawasan bandar dalam menjimatkan perbelanjaan KKM serta isu pengangguran dalam kalangan siswazah kedoktoran sejurus tamat pengajian.



AMBILAN MEI KINI DIBUKA

Selasa - Ahad, 9.00pg 4.00ptg
Dapatkan Rebat Tambahan **RM100**

#belajardahulubayarkemudian

- PJJ / Tutorial @Hujung Minggu 3 kali setiap semester
- Bahasa Pengantar B.Melayu & B. Inggeris
- Pengajian Diploma, Sarjana Muda, Sarjana
- Kemasukan menggunakan pengalaman kerja diterima

Tawaran-tawaran lain:

- | | | |
|---|---|--|
| 1 | 2 | 3 |
| PERCUMA Guru KAFA & Guru PASTI
Yuran pengajian semester pertama | Diskaun 30%
Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak | PERCUMA APEL
Pengecualian yuran ujian Rm370 |
| 4 | 5 | 6 |
| Warga emas dan OKU
Diskaun 50% keseluruhan yuran pengajian | Diskaun 10%
program-program lain | Diskaun Alumni
5% diskwa keseluruhan yuran pengajian |

*Tertakluk terma dan syarat

BIDANG PENGAJIAN

PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

- Perakaunan
- Pengurusan
- Pentadbiran Perniagaan
- Pengurusan Sumber Manusia

SAINS GUNAAN

- Kejururawatan
- Teknologi Maklumat
- Pengurusan Pembuatan
- Pengurusan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- Rekabentuk Pengajaran dan Teknologi

PENDIDIKAN DAN SAINS SOSIAL

- TESL
- Psikologi
- Pendidikan
- Komunikasi
- Kaunseling
- Pengajian Islam
- Pengajian Inggeris
- Pendidikan Awal Kanak-kanak
- Pengajaran - Pendidikan Rendah

Kemudahan kewangan:



UNTUK PERTANYAAN DAN PENDAFTARAN, SILA HUBUNG: PUSAT PEMBELAJARAN SEBERANG JAYA

KEMASUKAN TAHUNAN JAN/MEI/SEPT

04-390 2006 / 3006 013-317 3006 oumpenang@oum.edu.my www.oum.edu.my



Utamakan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat, seru Datuk Bandar

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

PANTAI JEREJAK – Penguatkuasa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), **ZARINA OTHMAN**, 34, memuji sikap Datuk Bandar yang menghargai kakitangannya dengan menzahirkan sendiri penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga kerja pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan baru-baru ini.

Katanya, apabila majikan benar-benar prihatin akan kebijakan serta pengorbanan kakitangan, sebagai pekerja beliau berasa seronok dan rasa dihargai.

“Rasa seronok dan dihargai sebab majikan serta kerajaan memang mengambil berat terhadap pekerja.

“Tambahnya, anugerah (perkhidmatan cemerlang) ini akan menaikkan lagi semangat untuk bekerja meskipun pernah terpalit dengan kes viral penghinaan orang awam yang bertindak membaling wang ketika saya mengapit tayar kenderaannya kira-kira dua tahun lalu,” ujar ibu kepada tiga anak tersebut kepada wakil Buletin Mutiara pada Majlis Penghargaan Pesara & Anugerah Cemerlang 2018 di sini 15 Mei lalu.

Zarina yang telah bertugas lebih 11 tahun sebagai penguatkuasa memberitahu, kejadian provokasi tersebut sedikitpun tidak melemahkan semangat juang dirinya, sebaliknya beliau yang bekerja dalam kalangan lelaki menganggap ia sebagai satu cabaran.

“Kerjadanakalangankebanyakannya lelaki adalah agar mencabar, kita kena menyesuaikan diri... kerana bayangan dalam 300 penguatkuasa lelaki, anggaran hanya tak sampai 30 orang adalah wanita.

“Jadi, semangat kerjasama dan bergabung tenaga perlu sentiasa diterapkan kerana setiap penguatkuasa perlu menimba pengalaman di semua unit yang ditugaskan,” ujarnya lanjut sambil melahirkan rasa syukur di atas penghargaan diterima.

Manakala, bagi seorang pesara yang turut menerima anugerah penghargaan, **ABDUL WAHAB MASTANI**, 60,

meskipun bekerja sebagai pekerja awam di MBPP, beliau bagaimanapun berasa amat bersyukur.

“Dulu susah, gaji tak sampai RM200.

“Dah biasa dengan kerja-kerja kampung, dapat kerja dengan MBPP masuk longkang pun tak jadi masalah... sebab dah biasa,” ujarnya yang juga pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ketika masih di dalam perjawatan bersama MPPP kira-kira 40 tahun lalu.

Pada majlis tersebut, seramai 232 pegawai dan kakitangan MBPP menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 dan penghargaan pesara (95).

Dalam pada itu, Datuk Bandar MBPP, Ar. Yew Tung Seang dalam ucapan perasmianya menyatakan penghargaan beliau kepada seluruh warga kerja pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut selama ini dalam membantu melonjakkan nama MBPP ke suatu tahap yang lebih tinggi.

“Anda semua merupakan nadi kepada MBPP, *you are the backbone of MBPP, we are where we are because of you!* Saya faham cabaran yang anda semua hadapi, dan saya akan sentiasa prihatin terhadap keperluan serta tindakan yang perlu diambil untuk menaikkan lagi nama MBPP.

“Terima kasih kerana sentiasa bekerja keras bagi memastikan Pulau Pinang sentiasa bersih dan cemerlang, kita akan sentiasa berusaha, bekerja keras untuk memastikan negeri ini sentiasa bersih serta cemerlang,” ujarnya.


Hadir sama, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Pada masa sama, Tung Seang turut mengingatkan semua warga kerjanya agar sentiasa mementingkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat.

“Kerja keras, berani memberikan perkhidmatan lebih daripada yang ditugaskan, sentiasa berazam untuk mempelajari kemahiran baru, anggaplah kita sebagai satu keluarga dan buat yang terbaik sebagai satu pasukan, jujur dan telus,” seru beliau.



ZARINA Othman.



ABDUL Wahab Mastani.

MPSP, PBT pertama dalam negara guna aplikasi ‘slido’ dekati para peniaga dan umum

SEBERANG JAYA – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menganjurkan program ‘Saya Peniaga Berintegriti’ dalam usaha untuk memupuk kesedaran masyarakat tentang pentingnya amalan perniagaan yang telus.

Yang di-Pertua, Dato’ Sr. Rozali Mohamud berkata, program berkenaan adalah satu perkongsian strategik antara MPSP dan Institusi Integriti Malaysia (IIM) yang berkonsepkan bual bicara bagi memastikan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan lebih telus dan inklusif.

“Ini adalah sesi bual bicara pertama dianjurkan oleh MPSP bersama-sama IIM dan peniaga yang disiarkan secara langsung melalui laman Facebook Majlis.

“Walaupun sukar untuk berdepan dengan para peniaga tapi kita beranikan diri dengan menganjurkan program ini demi meningkatkan integriti dan menyelesaikan isu-isu di tapak perniagaan,” katanya pada sidang media di sini 17 April lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmud; Ahli Majlis bagi MPSP, Dr. Tiun Ling Ta serta Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif IIM, Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin.

Mengulas lanjut, Rozali berkata, pengajian program itu juga adalah selaras dengan pendekatan 7Ps (Perkongsian Pintar) iaitu *people* (orang awam), *public* (dalam konteks ini MPSP), *private* (peniaga/NGO), *philanthropy* (persatuan peniaga/NGO), *philosopher* (institut integriti), *planet* (alam sekitar) dan *partnership* (rakan kongsi).

“Kita (MPSP) mahu menerokai perkongsian ini kerana kekuatan perkongsian berkaitan adalah sangat nyata iaitu supaya kita dapat bergerak dengan lebih lancar, lebih maju dan yang paling penting adalah demi kepentingan penduduk di Seberang Perai.

“Kita juga sediakan juru bahasa isyarat dalam program ini yang juga merupakan salah satu aspek inklusif MPSP bagi membolehkan seluruh masyarakat termasuk orang kurang upaya (OKU) memahami kandungan program,” jelasnya.

Tambah Rozali, MPSP juga menekankan pendekatan ‘Bandar Pintar’ berteraskan kemahiran penduduk iaitu dengan memperkenalkan aplikasi ‘slido’ yang mana peserta boleh bertanyakan soalan menggunakan telefon pintar.

“Kita adalah PBT dan jabatan kerajaan pertama di Malaysia melaksanakan program menggunakan aplikasi ini yang mana ia membolehkan semua pihak bertanyakan apa sahaja soalan berkaitan kepada MPSP.

“Aplikasi ini juga digunakan untuk memperluaskan capaian masyarakat terutama para peserta program untuk berkomunikasi secara langsung dengan MPSP,” ujarnya.



• Perlukan Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA
CAGARAN &
PENJAMIN

**PINJAMAN MIKRO KREDIT
PROJEK TITIAN SAKSAMA
RAKYAT (PTSR)
NEGERI PULAU PINANG**

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun
- Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN



Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

Golongan OKU nikmati potongan cukai taksiran 50 peratus

GEORGE TOWN – Golongan orang kurang upaya (OKU) bakal menikmati insentif potongan cukai taksiran sebanyak 50 peratus daripada jumlah cukai taksiran tahun 2018, ujar Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang.

Pengumuman tersebut adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) yang bersidang dan meluluskan cadangan berkenaan di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut berhubung inisiatif murni tersebut, mantan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan, Joseph Ng Soon Siang berkata, insentif cukai 50 peratus tersebut mesti memenuhi syarat dan kelayakan.

“Pemotongan 50 peratus ini hanya layak kepada mereka yang memiliki kad OKU, dan ia (pemotongan) hanya diberikan kepada premis pertama sahaja di dalam kawasan pentadbiran MBPP... premis selebihnya adalah tidak layak menikmati insentif ini.

“Mereka (OKU) hanya perlu menunjukkan kad OKU kepada MBPP



AR. Yew Tung Seang (kanan) sambil ditemani Ir. Addnan Mohd. Razali menunjukkan dokumen berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.

dan kita akan melakukan pemotongan, manakala bagi yang sudah membayar cukai tersebut lebih awal, Majlis akan mendebitkannya semula ke dalam bil

yang akan datang,” ujarnya.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Kutipan
tiub lampu dan bateri alkali (TUBA)
terpakai dari isi rumah

di Karnival Hijau Pulau Pinang:
3 - 5 Ogos 2018 | 6ptg - 10.30mlm

AUTO-CITY, JURU

NOTA:
Setiap kilogram (kg) pertama pelupusan adalah PERCUMA & caj RM5 akan dikenakan untuk setiap kg seterusnya jika anda mendaftar sebelum 30 Jun.

*Tertakluk kepada termasuk dan syarat

www.pgc.com.my 04 250 3322 info@pgc.com.my 016 517 7382

Penganjur:
AUTO-CITY
TOURISM DESTINATION
1-Stop Auto, Food, Entertainment Shopping

Penganjur bersama:
PENANG
GREEN CARNIVAL

IMBAS DI SINI

Pengecualian sepenuhnya tukar guna bangunan, pengusaha taska dan pusat jagaan diseru daftar segera

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Susah untuk mendapatkan khidmat konsultan dengan bayaran bersesuaian serta beroperasi di premis sewaan adalah antara faktor taska, pusat jagaan kanak-kanak dan orang-orang tua di sini tidak mendaftarkan perniagaan masing-masing secara sah, respons Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang.

Pada sidang media selepas mempengaruhi Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) baru-baru ini, katanya, sehingga kini, menurut rekod, masih terdapat sebanyak 172 premis belum mendaftarkan perniagaan masing-masing meskipun tempoh pemutihan akan tamat tidak lama lagi.

“Dalam tempoh pemutihan tersebut iaitu sejak 15 September 2017, bilangan pengusaha yang mengemukakan permohonan tukar guna bangunan kepada MBPP adalah kurang memberangsangkan iaitu kira-kira 9 (pengusaha) sahaja.

“MBPP dalam pada itu menyeru pengusaha-pengusaha ini supaya tampil mengambil tindakan segera dengan mengemukakan permohonan tukar guna bangunan dan mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan sebelum tamat tempoh pemutihan pada 14 September 2018,” ujarnya sambil menyatakan bahawa tindakan penguatkuasaan akan diambil secara bersepada selepas tamat tempoh tersebut.

Hadir sama, Exco Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Mengulas lanjut, tambah Tung Seang, pada 12 Oktober 2017, Kerajaan Negeri telah membuat pengumuman pemberian diskon sebanyak 90 peratus bagi bayaran infrastruktur tukar guna bangunan bagi tempoh setahun (15 September 2017 hingga 14 September 2018).

“Diskon ini adalah layak kepada pengusaha taska dan pusat jagaan yang telah beroperasi sebelum 15 September 2017 sahaja.

“Manakala, bagi taska dan pusat jagaan yang beroperasi selepas tarikh tersebut, mereka dikehendaki mematuhi garis panduan MBPP sedia ada sepenuhnya,” jelasnya.

Menurut Tung Seang lagi, bagi membantu taska dan pusat jagaan berkenaan beroperasi secara sah sepenuhnya, mesyuarat yang berlangsung turut meluluskan pengecualian sepenuhnya bayaran caruman untuk tukar guna bangunan kepada taska serta pusat jagaan.

“Jika sebelum ini tukar guna bangunan adalah melibatkan RM15 bagi setiap kaki persegi (kp), tetapi pada 28 Februari lalu, kita (MBPP) telah menurunkannya kepada RM5/kp... itupun kurang mendapat sambutan dan kini ia akan diberikan pengecualian sepenuhnya,” kata beliau.

Wang ihsan banjir, ADUN terkilan dengan ketelusan Pusat bawah BN sebelum ini

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
 Gambar : **ALISSALA THIAN**

DATUK KERAMAT – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo meminta kerajaan Pusat di bawah Barisan Nasional (BN) sebelum ini supaya menjawab sendiri kepada rakyat Pulau Pinang berhubung pemberian wang ihsan yang dilihat seakan-akan ‘pilih bulu’.

Menurut Jagdeep, melalui jawapan yang diberikan pada persidangan Parlimen lalu, Kerajaan Pusat menerusi Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) menghulurkan wang ihsan kepada mangsa banjir di Pulau Pinang pada pertengahan Mac 2018.

“Ia (pemberian wang ihsan) membabitkan 22,534 Ketua Isi Rumah (KIR) dengan jumlah peruntukan RM5.63 juta... bermakna setiap isi rumah hanya menerima RM250.

“Berbanding Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang memberikan RM1,100 kepada mangsa-mangsa banjir September (RM400) dan November (RM700) tahun lalu (2017)...itupun bukannya kita



JAGDEEP Singh Deo (berkemeja putih) bersama-sama sebahagian anggota Persatuan Bomba Sukarela Perak Lane di tapak menempatkan jentera pemadam api menunjukkan tanda bagus sejurus sidang media.

(Kerajaan Negeri) mempunyai tabung khas bencana seperti Pusat.

“Bukankah tabung bencana Pusat membenarkan pemberian sehingga

RM500 untuk setiap mangsa banjir. Kenapa hanya RM250 sahaja?

“Bukan itu sahaja, melalui rekod kita (Kerajaan Negeri) juga terdapat 64,128 mangsa yang terkesan akibat kedua-dua peristiwa banjir, kenapa Pusat hanya memberikan wang ihsan kepada 22,534 KIR sahaja?

“Bagaimana dengan yang lain? Mengapa hanya orang tertentu sahaja menerima wang ihsan banjir Pusat?” soalnya yang agak terkilan dengan ketelusan Pusat di bawah BN sebelum ini dalam membantu mangsa-mangsa banjir di negeri ini.

Beliau berkata demikian ketika hadir memaklumkan kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) di Lengkok Perak kepada Persatuan Bomba Sukarela Perak Lane di sini 7 April lalu.

Difahamkan, tapak di atas tanah Kerajaan Negeri seluas 1,657 kaki persegi (kp) di Lengkok Perak akan diguna pakai oleh persatuan bomba sukarela berkaitan untuk menempatkan kenderaan termasuk sebuah bot, sebuah kenderaan pelbagai guna dan dua jentera pemadam api pada kadar RM1,000 setahun.

EDGE 360

- ◆ Pegangan Tanah - kekal
- ◆ Bukit Dumbar, Gelugor, Pulau Pinang
- ◆ 24 Tingkat Kondominium Eksekutif/ 5 Unit Setingkat/Kepadatan Rendah
- ◆ 4 Bilik untuk Jenis A,B,E
- ◆ Di Tepi Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu
- ◆ Kemudahan - Gym, Kolam Renang, Perpustakaan dan lain-lain
- ◆ 5% Diskaun untuk Bumiputera

AMANVIDA DEVELOPMENT SDN BHD (1012177-X)

ALAMAT: UNIT 5-4-8 & 5-4-9, HUNZA COMPLEX, JALAN GANGSA, GREENLANE HEIGHTS, 11600 PENANG.

TEL:04-6584100 / HP:012-691 4100

■ Lesen pemaju: 14036-1/10-2018/02587(L) ■ Tempoh sah laku: 12/10/2017 hingga 11/10/2018 ■ No. Permohonan dan jualan: 14036-1/10-2018/02587(P) ■ Tempoh sah laku: 12/10/2017 hingga 11/10/2018 ■ Kelulusan pihak berkusa: Majlis Perbandaran Pulau Pinang ■ Jenis Pengangan tanah: Kekal ■ Bebanan tanah: Ada ■ Tarik jangka siap Oktober 2017 ■ Jumlah unit: 76 ■ Harga jualan: RM200,000 (min) - RM2,074,600 (maks) ■ Sijil kebenaran Merancang No: MPPP/OSC/(1944)/12 ■ No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPPP/OSC/PB(8536)/14

Pelajar perlu kuasai ilmu pengekodan, seru MP

Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

GEORGE TOWN - Penganjuran Kelas Pengekodan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui usahasama Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan secara tanggungjawab sosial korporat (CSR) Telebort Technologies Sdn. Bhd. (Telebort) diteruskan bagi sesi keenam pada 15 April lalu.

Mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam yang kini merupakan Ahli Parlimen (MP) Bukit Bendera, Wong Hon Wai ketika ditemui berkata, penganjuran kelas sebegini bukan sahaja mendedahkan para pelajar mengenai ilmu pengekodan, malah juga memberi peluang untuk mereka mengenali bahasa pengaturcaraan yang bakal digunakan secara meluas pada masa hadapan.

Menurutnya, pengekodan merupakan bidang yang pantas dan pesat berkembang.

"Dahulu, saya juga ada belajar mengenai komputer tetapi ketika itu tidaklah sehebat kini, dahulu cuma menggunakan kaedah analog."

"Tetapi kini, pelajar berpeluang untuk mereka permainan komputer sendiri atau aplikasi (sendiri) menggunakan digital dan kod-kod yang mudah dipelajari."

"(Dan) pelajar perlu menguasai ilmu pengekodan ini kerana kalau tidak kita akan ketinggalan dalam Revolusi Industri 4.0," ucap Hon Wai ketika merasmikan kelas pengekodan bagi KADUN Air Itam dekat Perpustakaan Digital Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Difahamkan, Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam merupakan KADUN keenam selepas pelancaran pada 27 Januari lalu, diikuti KADUN Datuk Keramat, KADUN Batu Lancang, KADUN Padang Kota dan KADUN Batu Maung.

Seramai 150 peserta telah menerima manfaat daripada lima sesi terdahulu, dan bagi KADUN Air Itam tambahan 30 pelajar terpilih berumur antara 7 hingga 15 tahun turut berpeluang mempelajari bahasa pengekodan.




WONG Hon Wai (dua dari kiri) beramah-mesra bersama-sama beberapa peserta ketika merasmikan kelas pengekodan bagi KADUN Air Itam dekat Perpustakaan Digital Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

HAKMILIK KEKAL

DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA

23 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT



JAYAMAS™
PROPERTY GROUP

Sales Gallery:

Lot. 1598, Seksyen 3, Jalan Muthu Palaniappan, 14000 Bandar Bukit Mertajam, Penang
T +6012 414 1661 F +604 537 7036

Corporate Office:

No. 22 (Tingkat Satu) & 23 (Tingkat Satu), Sunway Wellesley @ Precint 1,
Jalan Muthu Palaniappan, 14000 Bandar Bukit Mertajam, Penang
T +6016 523 6036 F +604 548 4038
W www.jayamasproperty.com E sales@jayamasproperty.com

NO. LESEN PEMAJU : 13386-2/07-2018/0585(L) (TEMPOH SAH: 28/07/2016 – 27/07/2018)
NO. PERMIT IKLAN & JUALAN : 13386-2/07-2018/0585(P) (TEMPOH SAH: 28/07/2016 – 27/07/2018)
NO. RUJUKAN : MPSP/40/20-54/4 · JENIS PEGANGAN TANAH : HAKMILIK KEKAL
GADAAN TANAH : CIMB BANK BERHAD · TARikh DJANGKA SIAP : DISEMBER 2017
3 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (JENIS A) (KELUASAN LANTAI: 2190 kps)
HARGA JUALAN : RM 669,800.00(min) – RM 793,800.00(maks)
11 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (JENIS B) (KELUASAN LANTAI: 1970 kps)
HARGA JUALAN : RM 608,800.00(min) – RM 765,000.00(maks)
9 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (JENIS C) (KELUASAN LANTAI: 1970 kps)
HARGA JUALAN : RM 588,000.00(min) – RM 736,500.00(maks)

Jambatan Harapan, riadah baru penggemar sukan berbasikal dan pejalan kaki

Oleh : **WATAWA NATAF**
ZULKIFLI
 Gambar : **LAW SUUN TING**

PANTAI JEREJAK -

Jambatan lingkaran berbasikal dan pejalan kaki pertama di Malaysia dinamakan sebagai ‘Jambatan Harapan’, umum Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Katanya, keputusan menamakan ia dengan ‘Harapan’ adalah setelah mendapat cadangan orang ramai pada Majlis Pelancaran Jambatan Lingkaran Berbasikal dan Pejalan Kaki dekat Queensbay Mall di sini 20 Mei lalu.

“Ini merupakan satu-satunya jejantas di Malaysia yang direka bentuk khas dalam bentuk lingkaran untuk memenuhi keperluan pejalan kaki dan penunggang basikal bagi menyeberangi Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu.

“Saya ingin mengucapkan syabas kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan kontraktor yang berjaya menyiapkan projek

ini menjadi suatu realiti, ilham daripada sekumpulan kecil (kumpulan berbasikal) termasuk saudara Lim Guan Eng (Menteri Kewangan), Datuk Bandar (Ar. Yew Tung Seang) dan para peminat basikal di negeri ini,” ucap beliau pada majlis perasmian berkaitan.

Hadir sama, Exco-exco Kerajaan Negeri; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Setiausaha bagi MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali; Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPP dan komuniti berbasikal.

Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota memberitahu, jambatan berkenaan merupakan suatu perkara yang direalisasikan selepas 10 tahun, iaitu apabila komuniti-komuniti basikal memberikan cadangan kepada Kerajaan Negeri.

“Setelah hampir 10 tahun, kita (Pulau Pinang) semakin dekat dengan impian Pulau Pinang dalam menjadikan basikal sebagai mod pengangkutan, sukan dan




santai,” jelasnya.

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan bahawa beliau akan turut mempromosikan jambatan lingkaran berkaitan di Putrajaya sekitarnya ada yang berminat mencuba aktiviti berbasikal di Pulau Pinang.

Difahamkan, jambatan lingkaran bersama dua jambatan merentangi Sungai Nibong Kecil dan Sungai Ara yang mula dibina pada 18 Julai 2016, siap pada 17 Mei 2018 dengan menelan belanja sebanyak RM8.9 juta.

Ia mempunyai jarak 600 meter jarak menaik dan menurun dengan kelebaran 3 meter lorong basikal dan 1.5 meter bagi pejalan kaki.

AKSI CHOW KON YEOW DAN BARISAN KEPIMPINAN KERAJAAN NEGERI KETIKA MENCUBA JAMBATAN LINGKARAN BERBASIKAL DAN PEJALAN KAKI DI SINI BARU-BARU INI.



PENGEMAR SUKAN
 berbasikal tidak melepaskan peluang mencuba laluan baru berkaitan.

RUPA bentuk jambatan lingkaran berbasikal.